

## **BAB KETIGA**

### **TARBIYAH DALAM PARTI ISLAM SE-MALAYSIA**

#### **3.1 Pengenalan**

Selepas kejatuhan Khilāfah Turki Uthmāniyah pada tahun 1924, kesedaran untuk kembali menegakkan pemerintahan Islam telah tercetus di dunia Islam dengan wujudnya gerakan Islam, seperti Ikhwān al-Muslimīn, Jamā'ati Islāmī dan Majlis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi). Di Tanah Melayu, PAS yang berasal daripada Hizbu al-Muslimīn cuba bangkit untuk memberikan kesedaran tersebut.

Perbincangan dalam bab ini adalah untuk mencapai objektif bagi mengetahui tarbiyah dalam PAS. Untuk tujuan tersebut, metode kajian yang digunakan adalah pengumpulan data melalui kajian perpustakaan sebagaimana yang dijelaskan dalam bab satu.

#### **3.2 Sejarah PAS**

PAS adalah sebuah gerakan Islam yang lahir hasil daripada kesedaran para ulama untuk membendung kemaraan penjajah ke atas bumi umat Islam.<sup>1</sup> Cabaran dan halangan yang dihadapi oleh para ulama dalam mengembalikan sistem *khilāfah Islāmiyah* ternyata banyak mematangkan PAS. Walau pun diharamkan oleh pihak penjajah, namun semangat

---

<sup>1</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 57, 71.

perjuangan Islam tetap utuh sehingga Hizbu al-Muslimīn yang diharamkan telah digantikan dengan PAS.<sup>2</sup> Cabaran yang dihadapi bukan sahaja daripada para penjajah dan musuh Islam, sebaliknya masalah-masalah dalaman turut mengheret PAS ke zaman gelap apabila dimageran dan dikeluarkan daripada BN. Namun berkat kesungguhan pimpinan, PAS telah mencapai zaman kegemilangan di bawah ulama yang menggunakan slogan kepimpinan ulama.<sup>3</sup>

### 3.2.1 Hizbu al-Muslimīn

Hizbu al-Muslimīn adalah sebuah parti berteraskan Islam yang ditubuhkan di Gunung Semanggol, Perak atas nasihat daripada Dr. Burhanuddin al-Helmī dan Kiyai Masyhur Azahari.<sup>4</sup> Hizbu al-Muslimīn secara rasminya ditubuhkan pada 17 Mac 1948 di bawah pimpinan seorang ulama, iaitu Abū Bakar al-Baqīr dan turut didokongi oleh golongan berpendidikan agama tradisional, seperti guru pondok dan pelajar agama, namun diharamkan oleh British beberapa tahun kemudian.<sup>5</sup>

---

<sup>2</sup> *Ibid.*, cetakan pertama, h. 44

<sup>3</sup> Istilah kepimpinan ulama tidak disebut dalam perlembagaan PAS, namun dengan termaktubnya syarat menjadi ahli Dewan Ulama dan Majlis Syura Ulama secara tidak langsung menunjukkan ulama yang memimpin dan menguasai organisasi PAS dan menjadi pemantau gerak kerja parti. *Ibid.*, cetakan pertama, h. 63.

<sup>4</sup> Kiyai Masyhur Azhari ialah seorang pemimpin kanan Majlis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi) di Indonesia. Riduan Mohamad Nor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 47.

<sup>5</sup> Riduan Mohd Noor (2009), *Sejarah dan Perkembangan Gerakan Islam Abad Moden*, cetakan kedua, Kuala Lumpur: Jundi Resources, h. 116, Riduan Mohd Noor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 47.

Matlamat utama pertubuhan politik Islam ini ialah untuk membebaskan bangsa Melayu dan Tanah Melayu daripada penjajahan, membentuk negara Islam yang bersifat sejagat dan menjadikan Tanah Melayu sebagai negara Islam<sup>6</sup>.

### **3.2.2 PAS di Zaman Penjajahan Inggeris**

Menurut Riduan Mohd Noor, sejak awal lagi PAS telah berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuklah sentiasa diintip dan diawasi oleh Unit Risikan British pada zaman Hizbu al-Muslimīn lagi. Ini kerana British telah mendapat pengalaman seumpama ini di negara-negara seperti Sudan, Mesir dan Nigeria. British mendapat peluang yang baik di Tanah Melayu apabila turut berhadapan dengan Parti Komunis Malaya di bawah pimpinan Chin Peng yang bertindak atas arahan resolusi Persidangan Asia yang bersidang di Calcutta, India sehingga British mengisytiharkan darurat pada 18 Jun 1948 dan memperkenalkan Ordinan Darurat. Tindakan ini memberikan ruang yang luas kepada British untuk menangkap sesiapa sahaja yang dianggap mengganggu keselamatan negara, termasuklah mengharamkan parti politik aliran kiri, seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Hizbu al-Muslimīn. Abū Bakar al-Baqīr pula ditangkap bersama pimpinan Hizbu al-Muslimīn yang lain di bawah ordinan tersebut.<sup>7</sup>

Parti yang berhaluan kanan seperti UMNO, MCA dan MIC pula diberikan ruang yang luas oleh British untuk bergerak. Sebahagian besar ahli Hizbu al-Muslimīn pula ada

---

<sup>6</sup> *Ibid.*, *Ibid.*,h. 47.

<sup>7</sup> *Ibid.*,h. 117-118, *Ibid.*,h. 47-48.

yang menganggotai Biro Agama UMNO bagi meneruskan perjuangan Islam, namun mula kedengaran suara yang menuntut supaya diwujudkan pergerakan politik berteraskan Islam di Tanah Melayu sehinggalah tercetusnya persidangan ulama di perkarangan Kelab Melayu Bagan, Butterworth, Pulau Pinang pada 24 November 1951.<sup>8</sup>

### 3.2.3 Penubuhan PAS

PAS ditubuhkan selepas Hizbu al-Muslimīn diharamkan oleh British pada bulan Ogos 1948. Penubuhan PAS adalah berkaitan dengan pengaruh para ulama yang besar dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam dan pergolakan dalam UMNO di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar pada ketika itu. Pemimpin UMNO yang menyedari pengaruh para ulama yang besar di kalangan orang Melayu yang beragama Islam telah bertindak menubuhkan Biro Agama UMNO bagi menarik sokongan golongan tersebut. Namun pergolakan yang berlaku dalam UMNO menyebabkan para ulama telah memilih jalan sendiri dalam menentukan masa depan ummah dan agama Islam di Tanah Melayu. Pada 23 Ogos 1951, para ulama telah bersidang di Kuala Lumpur bagi menubuhkan sebuah persatuan yang dinamakan sebagai *Persatuan Ulama Se-Malaya*.<sup>9</sup> Kemudiannya dalam persidangan alim ulama yang ketiga yang berlangsung di Bagan Pinang, Butterworth, Seberang Prai pada 24 November 1951 yang turut disertai oleh badan-badan Islam, seperti Jama'ah Masjid Telaga Ayer Butterworth, wakil Ma'ahad

---

<sup>8</sup> *Ibid.*,h. 118, *Ibid.*,h. 48-49.

<sup>9</sup> Nabil Abdullah mencatatkan bahawa orang yang mencadangkan nama Persatuan Ulama ialah bekas pimpinan Hizbu al-Muslimīn, iaitu Osman Hamzah. Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 44.

Ihyā' al-Syarīf dan Persatuan Ihyā' al-Syarīf, para ulama sebulat suara bersetuju menamakan parti yang ditubuhkan sebagai Persatuan Islam Se-Malaya atau PAS.<sup>10</sup>

### 3.2.4 Perkembangan PAS

Pada awal penubuhannya, PAS berkembang pesat di Perak Utara dan Seberang Prai, Pulau Pinang kerana kewujudan banyak sekolah agama rakyat dan pusat pengajian pondok. Walau bagaimanapun, PAS mula berkembang dengan pesatnya di negeri Kelantan apabila Amaluddin Darus menubuhkan PAS di Pasir Mas.<sup>11</sup> Kedudukan PAS di negeri ini bertambah kukuh apabila turut didokongi oleh para guru pondok yang mempunyai pengaruh yang besar dalam kalangan masyarakat dan ratusan buah pusat pengajian pondok yang terkenal, seperti Pondok Kenali, Pondok Bunut Payung, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Pasir Tumbuh, Pondok Sungai Durian, Pondok Kenali, Pondok Kubang Bemban, Pondok Geting, Pondok Lati, Pondok Lemal, Pondok Kampung Dangar, Pondok Banggol Setol, Pondok Gelang Mas, Pondok Dewan Beta, Pondok Kampung Berangan, Pondok Gual Dalam, Pondok Bukit Gading, Pondok Lapan Bola dan lain-lain lagi.<sup>12</sup> Negeri Kelantan sejak dahulu hingga sekarang sudah terkenal dengan

---

<sup>10</sup> Riduan Mohd Nor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 49.

<sup>11</sup> Beliau berasal dari Kedah. Berkhidmat sebagai seorang anggota Bomba sebelum menubuhkan PAS di kawasan Pasir Mas, iaitu kawasan pertama di Kelantan pada 23 Julai 1953 bersama-sama Ahmad Yatim. Beliau merupakan Setiausaha PAS yang pertama di kawasan Pasir Mas. Beliau turut dilantik sebagai Senator dalam Dun Kelantan pada tahun 1962 hingga 1966. Riduan Mohamad Nor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 51. Rujuk YB. Senator Amaluddin Darus dalam laman web <http://dppputrajaya.wordpress.com> dan <http://www.ibnuhisham.com/2007/sejarah-PAS-Siri-6.html>.

<sup>12</sup> Riduan Mohd Noor (2009), *op.cit.*, cetakan kedua, h. 121.

jolokan sebagai *Serambi Mekah* kerana tradisi pengajian ilmu agama yang luas dan para ulama yang ramai.<sup>13</sup>

### 3.2.5 PAS di Bawah Kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmī

Pada peringkat awal, kepimpinan PAS diterajui oleh Ahmad Fuad Hassan,<sup>14</sup> namun kepimpinan beliau kurang menonjol kerana sokongan beliau terhadap Dato' Onn. Apabila kepimpinan diambil alih oleh Dr. Abbas Alias,<sup>15</sup> beliau lebih banyak memperkenalkan PAS kepada masyarakat. PAS mula menjadi parti yang mampu bersaing di peringkat negara apabila Hassan Adli<sup>16</sup> berjaya membawa pemimpin PKMM,<sup>17</sup> iaitu Dr. Burhanuddin al-Helmī<sup>18</sup> yang juga merupakan seorang ulama intelektual Melayu yang berkarisma untuk menyertai dan memimpin PAS.<sup>19</sup>

---

<sup>13</sup> Tokoh guru pondok yang terkenal di negeri Kelantan ialah Tok Pulau Chondong, Maulana Tok Khurasan, Tok Kenali, Tok Padang Jelapang, Tok Selehong, Tok Bachok, Haji Daud Bukit Abal, Haji Nor Bot, Tuan Minal, Haji Abdullah Tahir, Haji Ya'kob Gajah Mati, Mufti Dato' Haji Mohd Nor Ibrahim, Haji Hussein Rahimi, Haji Abdul Ghani Abdul Rahman, Haji Abdul Rahman, Haji Omar Sungai Keladi, Haji Omar Mentuan, Pok Su Wil dan lain-lain lagi.

<sup>14</sup> Ahmad Fuad Hassan adalah seorang guru pondok. Beliau banyak menyokong Dato' Onn bin Jaafar sebelum dan selepas dilantik sebagai Yang Dipertuan Agung PAS pada 1951-1953. Riduan Mohd Noor (2009), *op.cit.*, cetakan kedua, h. 119. Riduan Mohd Nor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 49.

<sup>15</sup> Dr. Abbas Alias dilantik sebagai Yang Dipertua Agung PAS pada 1953-1956.

<sup>16</sup> Beliau ialah Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat (DPPP). Hassan Adli dan Abu Bakar Hamzah adalah dua orang tokoh Dewan Pemuda PAS Pusat yang memainkan peranan penting membawa Dr. Burhanuddin al-Helmī ke dalam PAS dan meyakinkan pimpinan PAS tentang kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmī yang bebas daripada sosialis dan gerakan berhaluan kiri. Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 53.

<sup>17</sup> PKMM telah ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di Ipoh, Perak di bawah pimpinan Mukhtarudin, Dr. Burhanuddin al-Helmī dan Ishak Haji Muhammad. Sayap PKMM ialah Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Insaf (AWAS) dan Barisan Petani Malaya (BATAS). *Ibid.*, cetakan pertama, h. 43.

<sup>18</sup> Dr. Burhanuddin al-Helmī adalah seorang tokoh nasionalisme Melayu semenjak sebelum perang dunia kedua lagi. Beliau merupakan pemimpin PKMM dan pemidato serta pemikir yang hebat (Rujuk Mustapha Hussain: 1990: 443-447).

<sup>19</sup> Riduan Mohd Noor (2009), *op.cit.*, cetakan kedua, h. 122.

Menurut Dato' Mohd Asri Muda, mesyuarat tidak rasmi Dewan Pemuda PAS Pusat telah bersetuju untuk menghantar wakil pemuda, iaitu Abdul Wahab Noor dan Baharuddin Latif untuk berjumpa dengan Dr. Burhanuddin al-Helmī. Datuk Kamaruddin Jaafar pula menyatakan Dr. Burhanuddin al-Helmī yang berpendidikan agama dibesarkan dalam suasana pendidikan agama di Sg. Jambu, Sumatera selama dua tahun, kemudian menyambung pelajaran di Sekolah Pondok di Pulau Pisang, Jitra, Kedah sebelum meneruskan pelajaran di Madrasah al-Masyahōr al-Islāmiyah,<sup>20</sup> Pulau Pinang dan menguasai Bahasa Arab dengan baik.<sup>21</sup>

Kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmī amat terserlah apabila berjaya memimpin PAS memenangi pilihanraya umum kali kedua yang diadakan pada tahun 1959. PAS telah menguasai Kelantan dan Terengganu serta menjadi pembangkang yang berkesan di Parlimen. Kejayaan ini diulangi lagi dalam pilihanraya tahun 1964 dan Kelantan dapat dipertahankan, namun negara dikejutkan dengan kematian Dr. Zulkifli Mohamad<sup>22</sup> dalam satu kemalangan jalan raya di Kuantan, Pahang.<sup>23</sup>

Menurut Riduan Mohd Noor, Dr. Burhanuddin al-Helmī mula dilantik dalam mu'tamar PAS pada 25 Disember 1956 yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala

---

<sup>20</sup> Ditubuhkan pada tahun 1916 oleh para bangsawan Arab di Pulau Pinang. Dinamakan sebagai Madrasah al-Masyahōr sempena nama Tuan Habil al-Masyahōr, iaitu Penghulu yang terkenal di Pulau Pinang pada ketika itu. Syed Syeikh al-Hadi pula dilantik sebagai Guru Besar yang pertama. Kini madrasah tersebut dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) al-Masyahōr. Rujuk sejarah Madrasah al-Masyahōr dalam laman web <http://www.smkalmashoor.bpi.edu.my/index.php> dan [http://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah\\_Menengah\\_Kebangsaan\\_Agama\\_%28L%29\\_Al-Mashoor](http://ms.wikipedia.org/wiki/Sekolah_Menengah_Kebangsaan_Agama_%28L%29_Al-Mashoor).

<sup>21</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 53.

<sup>22</sup> Dr. Zulkifli Mohamad adalah seorang tokoh PAS yang berkarisma. Pernah mendapat tarbiyah melalui pergaulan dengan pimpinan Ikhwān al-Muslimīn dan daripada buku-buku karangan Hassan al-Bannā dan Syed Qutb semasa belajar di Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Kolej Islam Malaya sesuai dengan status beliau sebagai seorang tokoh yang dinamik.

<sup>23</sup> Riduan Mohd Noor (2009), *op.cit.*, cetakan kedua, h. 131.

Lumpur sehingga tahun 1969. Beliau telah berjaya menewaskan pencabarnya, iaitu Dr. Zulkifli Mohamad untuk jawatan Yang Dipertua Agung PAS.<sup>24</sup> Manakala Dr. Zulkifli Mohamad yang tewas dalam pemilihan tersebut telah dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS. Di bawah kepimpinan beliau yang lebih dikenali sebagai pemimpin PAS berfahaman nasionalis kiri kerana kelantangan beliau dalam menentang penjajah, PAS telah menunjukkan perubahan yang besar. Dr. Burhanuddin al-Helmī mendapat pendidikan Islam dan pendedahan politik yang luas sejak menuntut ilmu di India lagi. Beliau pernah beberapa kali dipenjarakan antara tahun 1936 hingga 1950 berikutan isu Natrah yang hangat diperjuangkan pada ketika itu.<sup>25</sup>

### **3.2.6 PAS di Bawah Kepimpinan Dr. Zulkifli Mohamad**

Dr. Zulkifli Mohamad dilantik menjawat jawatan sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS selepas berlangsungnya mu'tamar PAS di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada tahun 1956. Walau pun tewas kepada Dr. Burhanuddin al-Helmī untuk jawatan Yang Dipertua Agung PAS, namun undi yang diperolehi oleh beliau memberikan isyarat bahawa sebahagian ahli PAS ingin jama'ah tersebut dipimpin oleh Dr. Zulkifli Mohamad yang berpendidikan dari Universiti al-Azhar, Mesir. Dr. Zulkifli Mohamad banyak membantu kepimpinan PAS semasa Dr. Burhanuddin al-Helmī ditangkap dan ditahan dalam penjara.

---

<sup>24</sup> *Ibid.*, cetakan kedua, h. 123.

<sup>25</sup> Riduan Mohd Noor (2009), *op.cit.*, cetakan kedua, h. 123.



Menurut Idris Ahmad, Jamaluddin Amini adalah orang yang bertanggungjawab membawa Dr. Zulkifli Mohamad ke dalam PAS pada tahun 1955.<sup>26</sup> Sebagai seorang tokoh yang mendapat tarbiyah, Dr. Zulkifli Mohamad dilihat sebagai seorang tokoh yang berwibawa dalam PAS. Walau pun daripada golongan muda, namun kerana latar belakangnya yang berpendidikan dari Universiti al-Azhar, berpengalaman sebagai pensyarah di Kolej Islam Malaya dan kepintaran serta karisma dalam kepimpinan menyebabkan beliau menjadi tokoh yang dinamik dalam PAS. Beliau merupakan pemimpin yang paling awal mengagaskan persoalan negara Islam dalam PAS secara akademik dan menghasilkan beberapa buah karya, seperti Masyarakat dan Syariat, Pegangan Hidup Umat Islam, dan *Practicability of Islam As a Socio-Political System*.<sup>27</sup> Beliau juga adalah tokoh yang bertanggungjawab memahamkan konsep perjuangan PAS untuk menegakkan cita-cita politik Islam sebagai ibadah sesuai dengan matlamat penciptaan manusia untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.<sup>28</sup>

### **3.2.7 PAS di Bawah Kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda**

Dato' Mohd Asri Muda adalah seorang tokoh PAS berfahaman nasionalis kanan. Beliau mengambil alih kepimpinan parti daripada Dr. Burhanuddin al-Helmī pada tahun 1969 sehingga tercetusnya slogan kepimpinan ulama pada tahun 1982.<sup>29</sup> Idris Ahmad menyatakan bahawa Dato' Mohd Asri Muda mendapat pendidikan agama di Madrasah

---

<sup>26</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 53, 54.

<sup>27</sup> Riduan Mohd Noor (2009), *op.cit.*, cetakan kedua, h. 126-127.

<sup>28</sup> *Ibid.*, cetakan kedua, h. 124.

<sup>29</sup> Mohd Fadli Ghani (2003), *Dewan Pemuda PAS: Suatu Kajian Terhadap Tahap-tahap Perkembangan Organisasi Dalam Era Bertindak, 1975-2003*, Tesis Sarjana Sastera, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi UKM, h. 27.

Muhammadiyah di Kota Bharu, Kelantan. Beliau menyertai PAS setelah dipelawa oleh Othman Abdullah untuk menyertainya. Pada peringkat awal, beliau enggan menyertai PAS kerana beranggapan parti itu tidak serius menegakkan Islam, sebaliknya hanya menjadi parti tunggangan orang lain.<sup>30</sup>

Menurut Riduan Mohd Noor, Peristiwa 13 Mei 1969 telah mengubah landskap politik dan sosio-ekonomi negara, di mana insiden perkauman politik paling dahsyat dalam sejarah negara itu telah meragut ratusan jiwa dan mencederakan ribuan yang lain. PAS akhirnya menyertai pelan politik perpaduan sebagai permuafakatan politik Barisan Nasional yang diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1971. Perpaduan menjadi tema penting kepada parti-parti politik selepas tragedi tersebut. Dalam pilihanraya umum tahun 1974, BN menang sebanyak 135 kerusi dan pembangkang pula hanya memperolehi 19 kerusi. PAS yang bertanding atas tiket Barisan Nasional telah memenangi semua kerusi yang ditandingi. Beberapa tokoh PAS, seperti Dato' Mohd Asri Muda dan Mustafa Ali telah diberikan jawatan penting dalam kerajaan.

Penyertaan PAS ke dalam kerajaan juga turut mencetuskan beberapa perubahan ke arah penerapan nilai Islam, seperti memperkenalkan kesenian Islam, menghapuskan arak dalam majlis rasmi kerajaan dan Parlimen, memperkenalkan kuliah-kuliah agama di jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan dakwah seperti YADIM dan PERKIM digerakkan, tentangan terhadap judi dan arak diperingkatkan, mengadakan seruan Islam kepada kakitangan kerajaan, meningkatkan prasarana Pendidikan Islam, menanamkan semangat tauhid dan keimanan sebagai asas disiplin anggota tentera, menggesa rakyat semangat al-

---

<sup>30</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 53.

Qur'ān, menambah rancangan bercorak Islam di radio dan televisyen dan cadangan mewujudkan Maktab Perguruan Islam dan Bank Islam.<sup>31</sup> Walau bagaimanapun, perkongsian kuasa ini hanya mampu bertahan sehingga tahun 1977 sahaja apabila PAS dikeluarkan daripada BN. Dalam pilihanraya umum tahun 1978, PAS telah mengalami kekalahan yang teruk dan turut kehilangan Kelantan.<sup>32</sup>

Menurut Mohd Fadli Abdul Ghani, krisis antara Dewan Pemuda PAS Pusat (DPPP) dengan Dato' Mohd Asri Muda bermula apabila dewan tersebut membantah campur tangan Yang Dipertua Agung PAS itu dalam isu politik Sabah pada tahun 1976. Ini menyebabkan Dato' Mohd Asri Muda telah menaja Abdul Wahab Yunus untuk menentang Mustafa Ali sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat. Krisis ini semakin tegang apabila teretusnya krisis Kelantan pada tahun 1977.<sup>33</sup>

### **3.2.8 PAS di Bawah Kepimpinan Yusof Rawa**

Kebangkitan Islam di seluruh dunia yang berlaku pada akhir tahun 1970-an secara tidak langsung telah mengubah PAS menjadi sebuah gerakan Islam yang tulen, iaitu daripada menekankan soal kebangsaan Melayu kepada kesyumulan sistem Islam. Kemasukan golongan muda yang mendapat pendidikan dari universiti dalam dan luar negara serta mempunyai kesedaran ke dalam PAS menyebabkan PAS mengalami anjakan perubahan secara besar-besaran, terutamanya dalam Dewan Pemuda PAS Pusat.

---

<sup>31</sup> Riduan Mohd Noor (2009), *op.cit.*, cetakan kedua, h. 132.

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 132.

<sup>33</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 60.

Menurut Riduan Mohd Noor, keadaan ini berkemungkinan berpunca daripada tindak balas revolusi Islam yang berlaku di Iran pada 1970-an.<sup>34</sup> Pernyataan ini turut disokong oleh Yahya Othman, di mana idea kepimpinan ulama adalah satu idea yang diinspirasikan dari kepimpinan ulama di Iran yang telah berjaya memimpin gelombang kesedaran Islam secara besar-besaran.<sup>35</sup> Revolusi Islam Iran yang diinspirasikan oleh kepimpinan ulama telah memberikan kesedaran kepada Dewan Pemuda PAS Pusat untuk meletakkan ulama sebagai teras kepimpinan sehinggalah Dewan Pemuda PAS Pusat mengadakan mu'tamar yang berasingan daripada Mu'tamar PAS Pusat pada tahun 1982 dan meluluskan dua usul, iaitu usul kepimpinan ulama dan usul penubuhan Majlis Syura Ulama.<sup>36</sup>

Mohd Fadli Abdul Ghani menyatakan kebangkitan semula ulama dalam PAS adalah hasil krisis antara Dewan Pemuda PAS Pusat dengan Yang Dipertua Agung PAS, Dato' Mohd Asri Muda. Kebangkitan ini juga turut berpunca daripada ketidakpuasan hati ahli PAS terhadap kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda yang dilihat terlalu pro kepada BN. Beliau dipersalahkan kerana membawa PAS menyertai BN, mengamalkan nepotisme, melantik Menteri Besar Kelantan mengikut kehendak UMNO, mentadbir parti secara "demokrasi dipimpin", menyerahkan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri kepada Universiti Malaya, menjatuhkan kerajaan pimpinan Datuk Mohammad Nasir dan membelakangkan pandangan Dewan Ulama PAS Kelantan dalam krisis Kelantan. Beliau

---

<sup>34</sup> Riduan Mohd Noor (2009), *op.cit.*, cetakan kedua, h. 127.

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 128.

<sup>36</sup> Riduan Mohd Noor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 58.

juga turut dikaitkan dengan penyingkiran PAS daripada BN pada tahun 1977 dan kejatuhan Kelantan ke tangan UMNO pada tahun 1978.<sup>37</sup>

Menurut Dato' Abu Bakar Chik, Dewan Pemuda PAS memainkan peranan yang sangat penting dalam mewujudkan kepimpinan ulama dan membuat perubahan yang besar dalam organisasi kepimpinan PAS. Pada 1 Mei 1983, Mu'tamar PAS Pusat meluluskan pindaan perlembagaan parti dan memilih Yusof Rawa sebagai Yang Dipertua Agung PAS Pusat.<sup>38</sup>

Kepimpinan Yusof Rawa lebih terkenal sebagai permulaan era kepimpinan ulama, di mana ulama haraki telah mengetuai jentera pentadbiran PAS. Gabungan ketokohan antara Yusof Rawa, Dato' Fadzil Mohd Noor (Timbalan Yang Dipertua), Dato' Seri Abdul Hadi Awang (Naib Yang Dipertua) dan Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat ternyata telah mengubah tahap fundemantalis parti kepada kepimpinan ulama.

### **3.2.9 PAS di Bawah Kepimpinan Dato' Fadzil Mohd Noor**

Kesinambungan kepimpinan ulama ini diteruskan oleh Dato' Fadzil Mohd Noor apabila Yusof Rawa meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua Agung (Presiden) kerana masalah kesihatan pada 30 Mac 1989.<sup>39</sup> Dato' Fadzil Mohd Noor dilahirkan di Alor Setar, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Derga, Alor Setar dan Maktab Mahmud pada tahun 1951 sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti al-

---

<sup>37</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 60.

<sup>38</sup> Riduan Mohd Noor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 58.

<sup>39</sup> Rujuk riwayat Fadzil Mohd Noor di laman web [http://ms.wikipedia.org/wiki/Fadzil\\_Mohd\\_Noor](http://ms.wikipedia.org/wiki/Fadzil_Mohd_Noor)

Azhar, Mesir dengan tajaan biasiswa kerajaan Kedah pada 1963 hingga 1967. Sekembalinya dari Mesir, beliau mengajar di Maktab Mahmud dan seterusnya sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau pernah menjadi Setiausaha Persatuan Ulama Malaysia pada tahun 1974-1976, Setiausaha Penerangan ABIM pada tahun 1973-1974 dan Timbalan Presiden ABIM pada tahun 1974-1978.<sup>40</sup>

Riduan Mohd Noor semasa mengulas peringatan 9 tahun pemergian Dato' Fadzil Mohd Noor menyatakan penglibatan awal Dato' Fadzil Mohd Noor dalam kancah politik pilihan raya bermula apabila PAS telah memberi mandat kepada beliau untuk bertanding di kawasan Parlimen Kuala Kedah dan Dun Alor Merah dalam pilihan raya umum 1978. Bakat dan potensi beliau telah terserlah sejak awal lagi dan dilihat sebagai seorang pemuda yang akan mengetuai barisan hadapan parti itu. Pada tahun 1980, beliau sekali lagi bertanding dalam pilihan raya kecil di kawasan DUN Bukit Raya. Pada pilihanraya tahun 1982, beliau sekali lagi bertanding di kawasan DUN Bukit Raya dan berjaya mempertahankan kerusi di kawasan itu selama empat penggal berturut-turut sehingga Pilihan Raya Umum 1995. Beliau turut berjaya mencatat dua kejayaan dalam pilihanraya umum tahun 1999 di parlimen Pendang dan Dun Anak Bukit.<sup>41</sup>

PAS di bawah kepimpinan Dato' Fadzil Mohd Noor telah berusaha gigih untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).<sup>42</sup> Beliau memimpin PAS agar

---

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Rujuk sejarah Fadzil Mohd Noor di laman web [http://www.harakahdaily.net/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=26858:memperingati-almarhum-ustaz-fadzil-noor](http://www.harakahdaily.net/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=26858:memperingati-almarhum-ustaz-fadzil-noor).

<sup>42</sup> Internal Security Act (ISA) ialah akta keselamatan dalam negeri yang boleh menahan sesiapa sahaja yang disyaki selama 60 hari tanpa bicara. Pada 17 November 2007, seramai 74 orang masih ditahan di Kem Tahanan Kamunting, Taiping, Perak. Rujuk pecahan tahanan ISA dalam laman web [http://ms.wikipedia.org/wiki/Akta\\_Keselamatan\\_Dalam\\_Negeri\\_%28Malaysia%29#Pecahan\\_tahanan\\_ISA](http://ms.wikipedia.org/wiki/Akta_Keselamatan_Dalam_Negeri_%28Malaysia%29#Pecahan_tahanan_ISA)

sentiasa prihatin kepada keluarga mangsa ISA, suka menghulurkan bantuan kewangan dan menyuarakan isu ini di pelbagai peringkat, termasuk senantiasa turun naik ke Bukit Aman bagi mengadakan rundingan pembebasan mangsa ISA. Beliau juga sangat prihatin dan terlibat secara langsung dengan isu antarabangsa yang menimpa umat Islam. Beliau turut hadir sebagai seorang pemimpin gerakan Islam bersama tokoh gerakan Islam antarabangsa yang lain, seperti Mustafā Masyhūr dan Qazi Hussain untuk mendamaikan kumpulan Islam yang bertelingkah di Afghanistan, dan memberikan nasihat kepada gerakan-gerakan Islam di Jakarta agar bersatu di satu panji Islam yang diketuai oleh Hamzah Haz.<sup>43</sup>

### **3.2.10 PAS di Bawah Kepimpinan Dato' Seri Abdul Hadi Awang**

Dato' Seri Abdul Hadi Awang telah dilantik sebagai Presiden PAS selepas kematian Dato' Fadzil Mohd Noor pada tahun 2002. Sejak awal lagi, beliau dilihat sebagai seorang tokoh yang berkaliber dan memiliki karisma sebagai pimpinan gerakan Islam. Beliau mendapat tarbiyah daripada gerakan Ikhwān al-Muslimīn di Mesir dan Madinah semasa menuntut di sana.<sup>44</sup> Sebagai seorang anak tuan guru dan ulama, beliau dilihat sebagai seorang tokoh yang sesuai bergandingan dengan Dato' Fadzil Mohd Noor dalam memimpin PAS.

---

<sup>43</sup> Rujuk Dato' Dato' Fadzil Mohd Noor di laman web [http://www.harakahdaily.net/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=26858:memperingati-almarhum-ustaz-fadzil-noor](http://www.harakahdaily.net/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=26858:memperingati-almarhum-ustaz-fadzil-noor).

<sup>44</sup> Riduan Mohd Noor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 63, 64.

Menurut Mohamad Sabu,<sup>45</sup> kekuatan Dato' Seri Abdul Hadi Awang adalah terletak pada ketinggian ilmu beliau yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu Islam, kefasihan membaca ayat al-Qur'ān, kemampuan mengabungjalinkan ilmu agama dan isu semasa, kemampuan berhujah dan berpidato, mendapat latihan secara haraki oleh tokoh-tokoh besar Ikhwān al-Muslimīn, berketurunan ulama, penampilan diri dengan akhlaknya sebagai pemimpin gerakan Islam dan mempunyai daya tarikan sebagai seorang pemedato.<sup>46</sup>

Beliau terlibat secara langsung dalam menyusun sukatan tarbiyah PAS Pusat. Kertas kerja beliau seperti *Pra Syarat Kejayaan Harakah Islam, Pembinaan Harakah Islam, Tarbiyah Islāmiyah Harakiyah, Hizbu Allah dan Hizbu al-Syaiṭān* telah dijadikan sebagai rujukan usrah. Beliau turut menekankan persoalan tarbiyah di dalam membina organisasi PAS. Buku-buku beliau pula seperti *Muqaddimah 'Aqīdah Muslim, Pemerintahan di Dalam Islam, Islam: Fikrah, Harakah dan Daulah, Tafsīr al-Tibyān, Koleksi Khuṭbah Jumaat dan Hari Raya dan Penghujung Kehidupan* dijadikan panduan kepada ahli PAS.<sup>47</sup>

Ringkasnya, PAS mempunyai latar belakang sejarah yang pelbagai. Bermula dengan kepimpinan ulama tradisi pada tahun 1951, PAS telah beralih kepada kepimpinan nasionalis kiri, seperti Dr. Burhanuddin al-Helmī. PAS kemudiannya diteruskan oleh

---

<sup>45</sup> Beliau ialah mantan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat sebelum dipilih sebagai Naib Presiden PAS pada sesi 2007-2009. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai ahli Parlimen Kubang Kerian dan Kuala Kedah. Merupakan seorang tokoh pemedato PAS yang hebat di pentas politik. Pada sesi 2011-2013, beliau dipilih sebagai Timbalan Presiden PAS dalam Muktamar Agung PAS Pusat ke-57 di Kolej Universiti Islam Zulkifli Mohamad (KUIZM). Harakah bertarikh 8-10 Rejab 1432 (10-12 Jun 2011), h. F3.

<sup>46</sup> Riduan Mohd Noor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 65.

<sup>47</sup> *Ibid.*, cetakan kedua, h. 66-67.



kepimpinan nasionalis kanan, seperti Dato' Mohd Asri Muda. Seterusnya, ulama haraki seperti Yusof Rawa, Dato' Fadzil Mohd Noor dan Dato' Seri Abdul Hadi Awang telah mengambil alih kepimpinan PAS dengan memperkenalkan slogan kepimpinan ulama. Penubuhan Majlis Syura Ulama PAS pada tahun 1983, di samping pengaruh Yusof Rawa sebagai Yang Dipertua Agung (seterusnya dilantik sebagai Mursyid al-'Ām) dan Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat selaku Ketua Dewan Ulama PAS Pusat serta peranan penting Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat membolehkan parti itu diterima oleh masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Terkini, Dewan Himpunan Penyokong PAS telah dilancarkan oleh Presiden PAS pada 23 Mei 2010 di pejabat Tanah Klang, di mana dewan tersebut mempunyai keahlian seramai 20,000 orang dan merupakan pengukuhan Kelab Penyokong PAS yang ditubuhkan sejak tahun 2005.<sup>48</sup>

### 3.3 Sejarah Tarbiyah Dalam PAS

Penubuhan PAS pada tahun 1951 di bawah pimpinan Ahmad Fuad Hassan, iaitu seorang tokoh ulama tradisi adalah bertujuan untuk membawa para ulama dan cendekiawan Islam dalam menentukan masa depan umat Islam dan tanah airnya mengikut acuan Islam tanpa dipengaruhi oleh mana-mana parti politik. Baharuddin Abdul Latif mencatatkan bahawa PAS ditubuhkan dalam perhimpunan alim ulama, badan-badan Islam dan pertubuhan Islam.<sup>49</sup> Tempoh 5 tahun kepimpinan Ahmad Fuad Hassan dan Dr. Abbas Alias merupakan tempoh pengenalan kepada Islam sehinggalah PAS yang dianggotai oleh ramai bekas ahli Hizbu al-Muslimīn, seperti Khaidir Khaṭīb,

---

<sup>48</sup> Rujuk pelancaran DHPP di [http://www.pas.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=2899:presiden-pas-lancar-dewan-himpunan-penyokong-pas&catid=1:terkini&Itemid=2](http://www.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=2899:presiden-pas-lancar-dewan-himpunan-penyokong-pas&catid=1:terkini&Itemid=2).

<sup>49</sup> Riduan Mohd Noor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 1.

Othman Hamzah dan Dato' Mohd Asri Muda, dan ulama muda seperti Hassan Adli dan Dr. Zulkifli Mohamad berjaya menggerakkan PAS melengkapinya ciri-ciri sebagai sebuah gerakan Islam.

Ahmad Fuad Hassan dalam tulisannya, "*Ulama Malaya belum bersatu dan belum mempunyai persatuan*", menyifatkan kedudukan ulama pada ketika itu seumpama sampah yang tidak dihargai kerana tiada kekuatan. Lebih parah lagi ketika itu ialah para ulama telah mula berasa muak dengan sikap Umno yang mengabaikan isu pemurtadan Natrah, penganjuran judi loteri, *fun fair*, hiburan melampau, kaberat dan lain-lain.<sup>50</sup> Dalam satu persidangan ulama yang dipimpin oleh Sheikh Abdullah Fahim, Mufti Pulau Pinang di Seberang Prai pada tahun 1951, mereka telah mengeluarkan fatwa mengharamkan judi loteri anjuran Umno. Dengan pelbagai konflik yang dihadapi oleh para ulama dan situasi politik semasa yang masih tidak menuju kepada jalan Allah itu, maka para ulama membuat pendirian untuk menubuhkan PAS. Ahmad Badawi, iaitu seorang ulama di Seberang Prai telah mengeluarkan satu manifesto yang dinamakan "*Manifesto al-Badāwī*"<sup>51</sup> dengan tema "*Ulama ke Jalan Allah*" bagi menyambut persidangan untuk menubuhkan PAS pada 24 November 1951.<sup>52</sup>

Ahmad Fuad Hassan dalam ucapan beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penaja Persatuan Ulama Se-Malaysia dalam Persidangan Persatuan Ulama Se-Malaysia pada 24 November 1951 menyatakan: "Saya ingin menarik perhatian tuan sekalian kepada satu

---

<sup>50</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 46.

<sup>51</sup> Menurut Baharuddin Abdul Latif, Manifesto al-Badāwī dengan tema '*Ulama ke Jalan Allah*' menggambarkan azam dan tekad para ulama pada ketika itu untuk menegakkan Islam dan ajarannya.

<sup>52</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 58.

hadis Rasulullah s.a.w yang berbentuk pertanyaan tentang keadaan dan kedudukan umat Islam yang maksudnya: *Tahukah keadaan kamu (umat Islam) apabila kamu dibinasakan oleh umat lain seperti orang mengerumuni hidangan makanan?* Para sahabat bertanya: *Wahai Rasulullah s.a.w, adakah keadaan ini berlaku kerana bilangan kami yang sedikit pada masa itu?* Jawab Rasulullah s.a.w: *Bilangan kamu ramai tetapi kamu seumpama sampah sarap yang dihanyutkan oleh banjir*”.<sup>53</sup>

Ungkapan Ahmad Fuad Hassan di atas amat jelas tentang matlamat penubuhan PAS adalah untuk mentarbiyah umat Islam di Tanah Melayu. Persoalan yang dikemukakan oleh beliau kepada para hadirin dalam Persidangan Ulama Se-Malaysia merupakan satu kesedaran yang lahir daripada hati seorang ulama yang juga pimpinan sebuah persatuan. Perhimpunan yang dijalankan oleh beliau termasuklah di Kuala Lumpur dan Kelab Melayu Bagan, Butterworth, Pulau Pinang merupakan usaha yang bersungguh-sungguh bagi mencapai matlamat tersebut.<sup>54</sup>

Idris Ahmad menjelaskan penubuhan PAS adalah hasil kesedaran politik Islam untuk mendaulatkan agama Allah s.w.t di muka bumi ini. Mereka yang mempelopori gerakan ini adalah dari kalangan golongan agamawan yang begitu bersemangat menentang penjajah, terutama aspirasi yang dibawa balik oleh murid Syeikh Muhammad 'Abduh di Timur Tengah. Mereka bangkit di tengah-tengah masyarakat untuk menyebarkan kesedaran beragama.<sup>55</sup>

---

<sup>53</sup> Hadis riwayat Sunan Abī Dā'ud. *Ibid.*, cetakan pertama, h. 8.

<sup>54</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 46.

<sup>55</sup> *Ibid.*, cetakan pertama, h. 57.

Kebangkitan Islam yang berlaku di seluruh dunia pada tahun 1970-an telah mencetus gelombang besar-besaran gerakan dakwah seluruh dunia. Pengaruh daripada gerakan Ikhwān al-Muslimīn, Jamā'ati al-Islāmī dan revolusi Islam di Iran telah membangkitkan kesedaran Islam yang tinggi terhadap umat Islam. Kebangkitan Islam yang berlaku pada tahun 1970-an adalah kesan secara langsung daripada kebangkitan PAS.

Yusof Rawa dalam ucapan dasar beliau sebagai Pemangku Yang Dipertua Agung PAS pada 29 April 1983 yang bertajuk ke arah pembebasan ummah menyatakan masyarakat Islam hendaklah dikembalikan kepada pimpinannya yang sejati sebagaimana dijelaskan dalam al-Qur'ān dan dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. Masyarakat Islam mestilah dikembalikan kepada pimpinan ulama yang memelihara dan mendokong syariat Allah s.w.t. Pengetahuan di dalam bidang syariat Allah s.w.t, penghayatan ke atas syariat itu, pemeliharaan yang berterusan ke atas syariat dan ketaqwaan dan ketaatan kepada Allah s.w.t hendaklah menjadi ukuran penting masyarakat Islam bagi menilai kepimpinannya. Masyarakat Islam hendaklah menjadikan orang yang layak di sisi Allah s.w.t sebagai pemimpin mereka dan bukan orang yang dilihat layak oleh Barat dan sekutu-sekutunya.<sup>56</sup>

Kenyataan Yusof Rawa tentang pembebasan ummah bukanlah sekadar retorik sahaja, sebaliknya kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan slogan kepimpinan ulama dalam PAS. Sekiranya perpaduan, keteguhan dan islah hendak diwujudkan dalam masyarakat Islam, maka masyarakat itu hendaklah menghindarkan diri dari kepimpinan

---

<sup>56</sup> *Ibid.*, cetakan pertama, h. 38-39.

yang rapuh dan wadah yang hanyut mengikut arus kepimpinan, sebaliknya perlu mengislahkan negara seluruhnya dan membebaskan masyarakat dari belenggu penjajah dengan kembalikan masyarakat kepada kepimpinan sejati yang telah diterangkan dalam al-Qur'ān dan dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w.

Harun Din menyifatkan kepimpinan ulama bukan merujuk kepada batang tubuh individu ulama tetapi ia merujuk kepada konsep.<sup>57</sup> Ini kerana seseorang insan yang bernama ulama itu tidak kekal. Sebaliknya konsep akan kekal walaupun pemimpinnya bertukar ganti, konsep juga boleh diinstitusikan menjadi suatu gagasan yang didokong oleh ramai pendokong. Pemimpin boleh bertukar tetapi kepimpinan tidak boleh bertukar apabila ia diterima menjadi konsep yang telah diinstitusikan. Kepimpinan ulama dalam PAS adalah merujuk kepada Majlis Syura Ulama<sup>58</sup> yang keanggotaannya terdiri daripada para ulama seperti yang termaktub dalam Perlembagaan PAS (4) (a).<sup>59</sup>

Menurut Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, kepimpinan ulama bermakna kepimpinan PAS mengidentifikasikan diri mereka sebagai pewaris nabi yang mencerminkan sebahagian pewaris nabi yang perlu ditunjukkan melalui kerja-kerja harakah dan dakwah, ketakwaan dan keikhlasan dalam memimpin. Secara umumnya,

---

<sup>57</sup> Fadzil Mohd Noor menyatakan kepimpinan ulama dalam PAS sebagai mereka yang memahami Islam dan hukumnya dari sumber-sumber Islam, iaitu *al-Qur'ān*, *al-Sunnah*, *al-Ijmā'* dan *al-Qiyās*, dan bukan dilihat dari segi pakaian lahirnya. *Ibid.*, cetakan pertama, h. 64.

<sup>58</sup> Dengan termaktubnya Majlis Syura Ulama, maka ia secara tidak langsung menunjukkan ulama yang memimpin dan menguasai organisasi PAS dan menjadi pemantau kepada gerak kerja parti. *Ibid.*, cetakan pertama, h. 63.

<sup>59</sup> *Ibid.*, cetakan pertama, h. 67.

fikrah dan gaya hidup perlu mempunyai ciri-ciri kenabian<sup>60</sup> yang menggambarkan imej pengorbanan diri.<sup>61</sup>

Kesimpulannya, PAS adalah sebuah parti yang mendapat sokongan daripada masyarakat, terutamanya dari kalangan guru-guru pondok dan golongan berpendidikan agama kerana meletakkan Islam sebagai dasar jama'ah. Ini dapat dilihat pada jawatan Yang Dipertua Agung atau Presiden PAS yang dipimpin oleh seorang ulama, kecuali pada zaman Dr. Abbas Alias yang memimpin PAS pada tahun 1953 hingga 1956 sahaja. Mereka tidak pernah meminta para pendokong dan penyokong meletakkan mereka sebagai pemimpin, walau pun pada peringkat awal dalam perlembagaan PAS tidak menyebut tentang kepimpinan ulama. Ini jelas menunjukkan bahawa PAS adalah sebuah parti yang serius mendidik dan mentarbiyah masyarakat. Justeru itu, PAS perlu dipimpin oleh para ulama bagi merealisasikan hasrat tersebut.

### **3.4 Pengaruh Ikhwān al-Muslimīn Dalam PAS**

Kejatuhan sistem *khilāfah Uthmāniyah* di Turki pada tahun 1924 menyebabkan negara umat Islam berpecah belah dan tidak bersatu. Peluang keemasan ini digunakan sepenuhnya oleh musuh Islam untuk melemahkan umat Islam sehingga para penjajah menjadi tuan di tanah air umat Islam. Namun kemunculan gerakan Ikhwān al-Muslimīn di Mesir pada tahun 1928 dilihat sebagai pengasas gerakan Islam moden untuk mengembalikan *khilāfah Islam* yang telah hilang. Kekuatan dakwah dan tarbiyah pada

---

<sup>60</sup> Nabi Muhammad s.a.w adalah pendakwah pertama yang mengajak manusia kepada Allah s.w.t. Zaydān, 'Abd al-Karim (2002), *op. cit.*, h. 343.

<sup>61</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 70.

gerakan tersebut telah menyuntik semangat umat Islam, khususnya di Tanah Melayu untuk bangkit menentang penjajah dan menerima pengaruh Ikhwān al-Muslimīn ke dalam gerakan tersebut.

### **3.4.1 Sejarah Ringkas Ikhwān al-Muslimīn**

Ikhwān al-Muslimīn ialah gerakan Islam yang ditubuhkan di Ismāīliyah, Mesir pada tahun 1928 dan merupakan gerakan Islam perintis dalam mengembalikan semula khilāfah Islāmīyah yang hilang pada tahun 1924. Diasaskan oleh Ḥassan al-Bannā, iaitu seorang ulama muda yang mendapat pendidikan dari Dār al-Ulūm sewaktu beliau berusia 23 tahun.<sup>62</sup> Gerakan ini turut tersebar di Tanah Arab dan juga Afrika.

Menurut Riduan Mohd Noor, Ikhwān al-Muslimīn diterajui oleh Mursyid al-'Ām bagi membimbing ahli berdasarkan manhaj asli yang dicetuskan oleh Ḥassan al-Bannā. Setelah kematian Ḥassan al-Bannā, Ikhwān al-Muslimīn dipimpin oleh beberapa orang Mursyid al-'Ām, iaitu Ḥassan Ḥuḍaibī (1949-1972), 'Umar al-Tilmisānī (1972-1986), Muhammad Ḥāmīd Abū al-Naṣr (1986-1996), Syeikh Muṣṭafā Masyhūr (1996-2002) dan Makmūn Ḥuḍaibī (2002-2004) dan Muhammad Mehdī 'Ākif (2004-sekarang). Gerakan Islam ini telah berjaya melahirkan ribuan pimpinan masyarakat di seluruh dunia, seperti Syed Quṭb, Sayyid Sābiq, 'Abd al-Qadīr 'Audah, Ḥamīdah Quṭb, Amīnah Quṭb, Rasyīd Ghanousi, Abdullah 'Azzām, Sa'īd Ḥawwā, Fathi Yakan, Yūsuf al-Qaraḍāwī, Abdul Hadi Awang, 'Abd al-Majīd Zindānī, Mahmūd Ṣawwāf, Ahmad Yāsīn, Munīr Ghaḍbān,

---

<sup>62</sup> Dār al-Ulūm ialah sekolah latihan perguruan di Qāhirah.

Kāmal Halabawī, Zainab al-Ghazālī, Abū al-A'lā al-Maudūdī, 'Abd al-Karīm Zaydān, al-Jubailī dan lain-lain lagi.<sup>63</sup>

Pada tahun 1934, Ikhwān al-Muslimīn telah berjaya membuka lebih 50 cawangan di seluruh Mesir. Serentak dengan penambahan cawangan tersebut, Ikhwān al-Muslimīn turut menubuhkan masjid, kilang, pusat khidmat sosial dan sekolah yang turut menjadi pusat pentarbiyahan ahli gerakan tersebut. Selepas tahun 1938, Ikhwān al-Muslimīn mula memfokuskan politik Islam terhadap masyarakat dan pemerintah Mesir. Sehingga akhir Perang Dunia Kedua, gerakan Islam tersebut mempunyai setengah juta pendokong dan tiga juga penyokong. Cawangan Ikhwān al-Muslimīn juga semakin meluas hingga ke Jordan, Syria, Sudan, Iraq, Palestin, Lubnan, Afrika Utara dan Arab Saudi. Pengaruh Ikhwān al-Muslimīn turut menjadi model kepada gerakan Islam lain, seperti Jamā'ati Islāmī di Pakistan, HAMAS di Palestin, Majlis Syura Muslimīn Indonesia (Masyumi) di Indonesia, Hizbu al-Muslimīn di Tanah Melayu, FIS di Algeria, Parti Refah dan AKP di Turki.

### **3.4.2 Pengaruh Tarbiyah Ikhwān al-Muslimīn Dalam PAS**

PAS menerima idea pemikiran Ikhwān al-Muslimīn pada awal 1950-an apabila tokoh-tokoh PAS,<sup>64</sup> seperti Dr. Zulkifli Mohamad menerima tarbiyah secara langsung daripada tokoh-tokoh Ikhwān al-Muslimīn, seperti Ḥassan al-Bannā dan Syed Quṭb semasa belajar di sana. Dr. Zulkifli Mohamad pernah memimpin persatuan pelajar di

---

<sup>63</sup> Riduan Mohamad Nor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 25-26.

<sup>64</sup> Idea pemikiran Ikhwān al-Muslimīn yang dimaksudkan ialah pengaruh tarbiyah Ikhwān al-Muslimīn yang menular ke dalam PAS.



Mesir dan senantiasa hadir ke majlis ilmu yang diadakan di markas Ikhwān al-Muslimīn di Qāhirah. Sebagai seorang lulusan dari Universiti al-Azhar dan berkarisma dalam kepimpinan, beliau telah diberi mandat untuk memimpin PAS sehinggalah roh perjuangan Islam dimasukkan dalam perlembagaan PAS pada tahun 1954.<sup>65</sup>

Menurut Riduan Mohd Noor, selain daripada Dr. Zulkifli Mohamad, Jais Anwar<sup>66</sup> yang pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat pada sesi 1968-1970 turut mendapat pendidikan dari Mesir.<sup>67</sup> Menurut Jais Anwar, Syeikh Taqiyuddin telah melarikan diri ke tanah Melayu daripada ditangkap oleh regim Mesir dan berkhidmat di sebuah sekolah agama di Kedah.<sup>68</sup> Di sini, beliau berkesempatan mengkader dan mentarbiyah pelajar-pelajar dengan memperkenalkan sistem usrah pada tahun 1957.

Riduan Mohd Noor menyatakan bahawa Yusof Rawa yang mendapat pendidikan di Mekah dan pernah memimpin Kesatuan Pelajar Malaya-Indonesia turut mendapat tarbiyah secara tidak langsung daripada Ikhwān al-Muslimīn melalui pembacaan buku-buku tokoh Ikhwān al-Muslimīn, walau pun dilarang oleh Kerajaan Arab Saudi pada ketika itu. Beliau menerbitkan majalah al-Islām yang terkandung di dalamnya terjemahan *Tafsīr fī Zilāl al-Qur'ān* sebaik kembali ke Malaysia.<sup>69</sup> Melalui majalah ini, ramai pelajar

---

<sup>65</sup> Riduan Mohd Noor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 60.

<sup>66</sup> Jais Anwar adalah mantan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat yang berkelulusan dari Universiti Al-Azhar, Mesir. Menurut Hassan Shukri, beliau pernah memangku jawatan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat pada tahun 1970 kerana Jais Anwar melanjutkan pelajaran ke London. Beliau juga pernah bertanding dalam pilihan raya umum pada tahun 1969. Sila rujuk di <http://www.harakahdaily.net/index.php>. <http://dewanulamapasperak.blogspot.com/2009/07/ustaz-jais-anwar.html>.

<sup>67</sup> Riduan Mohd Noor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 60.

<sup>68</sup> Syeikh Taqiyuddin ialah mantan Setiausaha Ikhwān al-Muslimīn di Qāhirah, Mesir.

<sup>69</sup> *Tafsīr fī Zilāl al-Qur'ān* adalah kitab tafsir karangan Syed Quṭb.

dari Malaysia, iaitu Wan Mustapha Rusdi, Omar Mohamad dan ramai lagi pelajar yang menuntut di Indonesia terpengaruh dengan gerakan ini.<sup>70</sup>

Menurut Hassan Shukri, PAS diberikan peluang untuk menghantar 10 orang pelajar melanjutkan pelajaran ke Baghdad pada tahun 1963.<sup>71</sup> Sepuluh orang pelajar tersebut iaitu Hassan Shukri, Mohamad Daud Iraqi, Hashim Jasin, Abdul Rahim Md Zin, Hasbullah Kasban, Abdul Ghani Kasa, Dahlan Muhammad Zain, Azmi Ahmad, Isamuddin Ahmad dan Abdul Halim Yahya mendapat bimbingan secara langsung daripada tokoh Ikhwān al-Muslimīn di Iraq. Sebahagian daripada pelajar tersebut menjadi aktivis PAS sama ada di peringkat negeri atau pusat.<sup>72</sup>

Menurut Yazid Jaafar, semenjak tahun 1960-an, PAS banyak memanfaatkan buku-buku tokoh Ikhwān al-Muslimīn, seperti buku "arahan dan peraturan" karangan Hassan al-Bannā, terutamanya di Selangor dan Kuala Lumpur.<sup>73</sup> Penubuhan sebuah persatuan belia Islam, iaitu Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada tahun 1970-an pula banyak membantu penyebaran pemikiran Ikhwān al-Muslimīn di Malaysia.<sup>74</sup> ABIM

---

<sup>70</sup> Riduan Mohd Noor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 61.

<sup>71</sup> Peluang melanjutkan pelajaran adalah atas ihsan Perdana Menteri Iraq, Muhammad 'Arīf al-Salām. *Ibid.*

<sup>72</sup> *Ibid.*

<sup>73</sup> *Ibid.*, cetakan kedua, h. 62.

<sup>74</sup> Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah ditubuhkan pada 6 Ogos 1971 di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hasil beberapa pertemuan generasi pengasas pada ketika itu. Pengerusi penaja rasmi ketika itu ialah Abdul Wahab Abdullah dan Fauzi Abd. Rahman sebagai Setiausaha Agung. ABIM merupakan sebuah NGO Islam yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan pada 17 Ogos 1972 di bawah Akta Pertubuhan 1966. Mu'tamar ABIM yang pertama telah diadakan pada tahun 1972 di mana Razali Nawawi (Profesor Dr) telah dipilih sebagai Presiden ABIM yang pertama manakala Anwar Ibrahim (Datuk Seri) dipilih sebagai Setiausaha Agung. Pada tahun 1974, Anwar Ibrahim telah dilantik sebagai Presiden ABIM yang kedua. Şiddiq Fadzil (Dato' Dr) pula telah dilantik untuk memangku dan seterusnya menjadi Presiden ABIM yang ketiga setelah Anwar Ibrahim menyertai UMNO pada tahun 1982. Dr. Muhammad Nur Manuty telah dilantik sebagai Presiden yang keempat pada tahun 1991. Pada September 1997, Ahmad Azam Abdul Rahman telah dipilih sebagai Presiden ABIM yang kelima pada

dilihat sebagai sebahagian daripada PAS pada masa ini apabila berjaya berperanan sebagai pendesak setelah PAS menyertai BN dan ABIM mengambil alih tanggungjawab melatih dan mengkader pemuda-pemuda Islam. Ini terbukti apabila terdapat pimpinan ABIM yang menjawat jawatan yang penting dalam organisasi PAS, seperti Dato' Seri Abdul Hadi Awang, Dato' Yahya Othman, Dato' Abu Bakar Chik dan Dato' Fadzil Mohd Noor. Dengan bantuan kepimpinan ABIM yang dinamik seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim, ABIM dalam masa yang singkat sahaja berjaya memikat para belia di universiti dan kolej untuk menyertainya. ABIM juga mencetak dan menerbitkan buku-buku terjemahan daripada tulisan Ikhwān al-Muslimīn dan turut memuatkan tulisan tersebut dalam majalah rasmi ABIM, iaitu al-Risālah.

Apabila berlaku pergolakan politik dalam PAS pada tahun 1978, tokoh besar gerakan Islam Indonesia, iaitu Muhammad Natsir menasihatkan PAS agar memperkukuhkan lagi tahap kepimpinannya.<sup>75</sup> Nasihat tersebut telah mendorong beberapa orang pemimpin gerakan Islam yang berada dalam ABIM untuk menyertai PAS. Kemasukan beberapa orang tokoh ABIM ke dalam PAS pada akhir tahun 1970-an, iaitu Dato' Fadzil Mohd Noor, Nakhaie Ahmad, Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman, Abdul Ghani Abdul Rahman dan Dato' Seri Abdul Hadi Awang ternyata memantapkan

---

Mu'tamar Sanawi ABIM ke-26 di Alor Setar, Kedah. Sila rujuk sejarah ABIM di <http://www.abim.org.my/profil-abim.html>.

<sup>75</sup> Muhammad Natsir lahir pada 17 Julai 1908 di Sumatera Barat. Beliau merupakan seorang tokoh yang terkenal dalam politik Islam Indonesia. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Biro Pendidikan Islam Kotamadya Bandung, wakil Ketua Komite Nasional Indonesia Pusat (KNIP), Menteri Penerangan Republik Indonesia dan pada tahun 1949, beliau dilantik sebagai Ketua Umum Majlis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi). Dalam pilihanraya Pemilu tahun 1956, beliau terpilih sebagai anggota DPR. Tokoh ini pernah mendapat mandat sebagai Perdana Menteri Indonesia, tetapi ditangkap dan dipenjarakan. Sejak tahun 1962-1966, beliau telah ditahan di Rumah Tahanan Milter (RTM) Keagungan Jakarta. Pada awal regim Order Baru, beliau dibebaskan tetapi dilarang daripada berpolitik. Walau bagaimanapun, beliau aktif dalam aktiviti antarabangsa, seperti Kongres Muslim Sedunia dan *Rābitah al-'Ālam al-Islāmī*. Riduan Mohd Noor (2009), *op.cit.*, cetakan kedua, h. 53.

lagi pemikiran Ikhwān al-Muslimīn ke dalam PAS. Turut menyertai gerakan Islam itu ialah para aktivis kampus yang menerima tarbiyah ABIM, iaitu Mohamad Sabu, Abdul Malik Hussin, Hussin Ismail dan Ya'kub Hussain.<sup>76</sup>

Tarbiyah dalam PAS juga diperkukuhkan lagi dengan peranan Dato' Yahya Othman dan Dato' Harun Taib sebagai murabbī PAS. Dato' Yahya Othman yang pernah dilantik sebagai Exco Pendidikan dalam kerajaan PAS Kelantan pada tahun 1990 terkenal dengan gelaran sebagai bapa tarbiyah PAS di Malaysia. Sementara Dato' Harun Taib pula pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Dewan Ulama PAS Pusat selama beberapa penggal dan kembali menyandang jawatan tersebut pada tahun 2009 sehingga sekarang. Selain itu, Dato' Seri Abdul Hadi Awang yang mendapat pendidikan di Universiti Madinah pula pernah mendapat tarbiyah secara langsung daripada Syeikh Sa'īd Ḥawwā dan Dr. Muhammad al-Wakīl. Semasa belajar di Universiti al-Azhar, beliau sekali lagi menerima tarbiyah daripada gerakan tersebut.<sup>77</sup>

Menurut Riduan Mohd Noor, kemuncak pengaruh Ikhwān al-Muslimīn ke dalam PAS ialah berlaku gerakan kaderisasi pelajar dan pemantapan kedudukan Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat. Dato' Seri Abdul Hadi Awang yang dilantik sebagai Pengerusi lajnah tersebut dan dibantu oleh Dato' Yahya Othman telah mengadakan seminar tarbiyah pada tahun 1982 untuk menyelaraskan dan menyatukan sukatan tarbiyah, seterusnya melahirkan manhaj tarbiyah PAS. Tercetusnya slogan kepimpinan ulama dan penubuhan Majlis Syura Ulama PAS Pusat pada 22 Oktober 1982

---

<sup>76</sup> Riduan Mohd Noor (2005), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 62-63, 71.

<sup>77</sup> *Ibid.*, cetakan kedua, h. 64.

sehingga termaktub dalam perlembagaan PAS fasal tujuh (4) syarat-syarat ahli Majlis Syura juga adalah kesan daripada Ikhwān al-Muslimīn, di mana gerakan tersebut adalah perintis gerakan Islam di dunia.<sup>78</sup>

Kesimpulannya, implikasi pengaruh tarbiyah Ikhwān al-Muslimīn terhadap PAS menyebabkan parti itu mengadakan beberapa program yang bersifat berterusan dan program pendidikan yang bersifat langsung dan tidak langsung. Antaranya ialah program usrah yang telah diinstitusikan oleh Ikhwān al-Muslimīn secara rasmi pada tahun 1943 apabila banyak bahaya dan halangan yang mula menghalang gerakan Islam tersebut. Dalam PAS, sistem usrah banyak membantu kemantapan organisasi jama'ah dan membina ahli yang patuh kepada jama'ah. Selain daripada usrah, PAS juga menggunakan beberapa program lain yang bercorak kaderisasi, seperti *reḥlah tarbawiyah* (lawatan), *mukhayyam tarbawī* (perkemahan atau jambori), *ijtimā' tarbawī* (perhimpunan bulanan) dan *tamrīn tarbawī* (program perkaderan) yang diasimilasi daripada program tarbiyah Ikhwān al-Muslimīn.

### **3.5 Tarbiyah dalam PAS**

Sebagai sebuah gerakan Islam, PAS banyak menerima pengaruh daripada gerakan Islam sedunia yang lebih berpengalaman menghadapi cabaran semasa. PAS juga menfokuskan kepada aspek tarbiyah sebagaimana gerakan Ikhwān al-Muslimīn, Majlis Syura Muslimīn Indonesia (Masyumi) dan Jamā'atī Islāmi, dan memiliki acuan tarbiyah

---

<sup>78</sup> *Ibid.*, cetakan kedua, h. 83. Rujuk Majlis Syura Ulama pada Fasal 8 Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). \_\_\_\_\_ (2010), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 5.

yang tersendiri. Salahuddin Ayyub dalam ucap tama sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat dalam Mu'tamar Tahunan DPPK ke 48 di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (PUTIK) menegaskan :

*Tumpuan untuk memperkasakan tarbiyah mesti diperhebatkan. Persaingan fikrah atau kekaburan wehdah al-fikri hanya boleh diatasi oleh gerak kerja yang mantap dan menyeluruh. Saya menyeru kepada semua kepimpinan dan ahli PAS supaya bersedia untuk terus ditarbiyah dan beriltizam dengan tarbiyah PAS agar kesatuan dapat diwujudkan dalam jama'ah.<sup>79</sup>*

### **3.5.1 Sasaran Tarbiyah**

Menurut Dato' Yahya Othman, setiap orang Islam mesti mewujudkan budaya *da'wah harakiyyah*<sup>80</sup> dalam kalangan ahli PAS.<sup>81</sup> Ini sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w dalam hadis yang bermaksud, iaitu :

*Hendaklah kamu menyampaikan ajaranku walau pun satu ayat.<sup>82</sup>*

Bagi merealisasikan budaya tersebut, PAS telah mengelaskan tarbiyah kepada dua tahap, iaitu ahli PAS dan bukan ahli.

---

<sup>79</sup> Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Negeri Perak (2008), *op. cit.*, h. 7.

<sup>80</sup> Dakwah yang dihubungkan dengan kehidupan seharian dalam kalangan ahli PAS.

<sup>81</sup> Yahya Othman (2009), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 25.

<sup>82</sup> Dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhārī dan al-Tirmidzī daripada Abdullah bin Amru bin al-ʿĀsh. *Ibid.*, cetakan kedua, h. 25.

**(a) Ahli PAS**

Tarbiyah PAS lebih menekankan tarbiyah ahli bagi melahirkan anggota yang memahami Islam sebagai agama yang lengkap dan syumul. Termasuk dalam ahli ialah kepimpinan PAS di semua peringkat, di mana mereka tidak terkecuali daripada menerima proses tarbiyah PAS. Tarbiyah merupakan pendidikan yang berlaku secara automatik ke atas ahli PAS, apabila mereka secara sah menjadi ahli jama'ah. Bermula daripada ahli biasa di peringkat cawangan, kawasan, negeri sehinggalah pusat, program tarbiyah dijalankan oleh PAS untuk membentuk sahsiah peribadi, mental, jasmani, emosi dan rohani agar lebih berkualiti daripada masyarakat umum. Perlaksanaan tarbiyah di kalangan pimpinan lebih terarah kepada membina kepimpinan jama'ah, *nuqabā'* dan ahli yang mempunyai iman yang teguh, tekun beribadah, berakhlak mulia, istiqamah berjuang dan sentiasa bersemangat berbanding dengan ahli biasa. Walau bagaimanapun, ahli PAS mestilah seorang *jundi* bagi *hizbullah* yang mempunyai sifat dan akhlak yang mulia,<sup>83</sup> iaitu :

- i. Bertaqwa kepada Allah s.w.t.
- ii. Beriltizam dengan parti.
- iii. Mampu memikul tanggungjawab dan amanah yang diberikan.
- iv. Memiliki aqidah yang sahih.
- v. Melaksanakan ibadah dengan sempurna.
- vi. Memahami syariat Islam dan sirah Rasulullah s.a.w dan para sahabat.

---

<sup>83</sup> Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat (2001), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 108.

- vii. Menjalani *mu'amalah* dengan betul.
- viii. Menghayati Islam sepenuhnya dalam kehidupan.<sup>84</sup>

Kriteria di atas secara jelas membuktikan bahawa sesebuah jama'ah Islam perlu mempunyai ahli yang memiliki akhlak dan sahsiah yang terpuji. Akhlak ahli yang akan menggambarkan keseluruhan jama'ah dan kejayaan tarbiyahnya. Akhlak ahli juga yang bertindak sebagai dakwah kepada masyarakat.

#### **(b) Bukan Ahli**

'Abd al-Karīm Zaydān pernah menimbulkan persoalan tentang siapakah yang bertanggungjawab melaksanakan tugas dakwah. Menurut beliau, dakwah adalah tanggungjawab setiap orang Islam yang berakal dan baligh, sama ada lelaki atau perempuan. Tugas ini bukan hanya dikhususkan kepada para ulama atau golongan berpendidikan agama sahaja, tetapi ia adalah kewajipan semua pihak, termasuklah masyarakat umum (bukan ahli). Para ulama hanya dikhususkan untuk menyampaikan ajaran Islam dengan lebih mendalam dan mentarbiyah masyarakat. Dakwah dan tarbiyah tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, masyarakat umum sebelum terjun ke medan dakwah menyampaikan mesej agama perlulah mendapat bimbingan tarbiyah agar mempunyai kefahaman yang mendalam, keimanan yang mantap dan membina hubungan yang erat dengan Allah s.w.t.<sup>85</sup>

---

<sup>84</sup> *Ibid.*

<sup>85</sup> Zaydān, 'Abd al-Karīm (2002), *op. cit.*, h. 346-385.



Beliau dalam kitab *Usūl al-Da'wah* menyatakan bahawa dalam sesebuah negara wujud golongan pemimpin dan masyarakat umum. Golongan pemimpin adalah golongan yang memegang tampuk kekuasaan yang menjadi golongan minoriti, di mana al-Qu'rān menggelarkan diri mereka sebagai *al-malā'* (pembesar).<sup>86</sup> Kebiasaannya masyarakat umum menjadi pengikut kepada golongan pembesar. Apabila golongan pembesar menerima Islam, maka langkah mereka pasti akan diikuti oleh masyarakat umum untuk menerima Islam. Sementara masyarakat umum pula adalah rakyat yang merupakan majoriti masyarakat. Apabila masyarakat menerima Islam dan iman menyerap ke dalam hati mereka, maka golongan beriman akan menjadi golongan majoriti dan masyarakat akan berubah menjadi masyarakat Islam. Selain daripada kedua-dua golongan tersebut, terdapat golongan yang lain yang akan muncul yang berpura-pura menonjolkan diri sebagai muslim, sedangkan hati mereka masih kufur. Mereka adalah golongan munafiq yang menjadi sasaran dakwah. Dalam masa yang sama terdapat juga sebahagian masyarakat yang memeluk Islam, namun pegangan agama mereka masih lemah dan mudah terjerumus ke lembah dosa. Mereka dikenali sebagai golongan *al-'āṣī* (pesalah).<sup>87</sup>

Termasuk dalam masyarakat umum ialah golongan belia dan remaja. PAS turut mengambil pendekatan secara bijaksana dan berhemah dalam mendidik golongan ini bagi memastikan mereka dapat mengikuti proses tarbiyah yang dijalankan dengan baik. Pelbagai program yang dijalankan adalah sesuai untuk disertai oleh golongan ini dan tidak membosankan mereka, terutamanya melalui aktiviti yang berfaedah dan menyeronokkan, seperti aktiviti sukan dan hiburan. Walau bagaimanapun, aspek

---

<sup>86</sup> Pembesar merujuk kepada orang yang berpengaruh dan mempunyai pangkat dalam kerajaan serta berkuasa melaksanakan undang-undang.

<sup>87</sup> Zaydān, 'Abd al-Karīm (2002), *op. cit.*, h. 426, 437.

berbentuk tarbiyah tetap menjadi agenda utama, seperti berpakaian menutup aurat, kewajipan menunaikan ibadat solat, tidak berlaku percampuran antara lelaki dan perempuan, program yang tidak melalaikan, menghormati pemimpin dan ketua, berta'āruf sesama Islam, menepati masa, tidak memungkiri janji, masa program yang bersesuaian dan program berbentuk pendidikan.

### 3.5.2 Sukatan Tarbiyah

Pada tahun 1982, Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat telah menganjurkan satu seminar tarbiyah yang diadakan untuk menggerakkan program tarbiyah dengan lebih tersusun.<sup>88</sup> Sebelum seminar tersebut, PAS tidak mempunyai satu *muqarrar tarbawī* (silibus tarbiyah) yang tersusun. Dalam seminar yang diadakan, Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat telah memperkenalkan *maudū'* (kandungan) dan sukatan tarbiyah secara berkala yang merangkumi program *usrah*, *tamrīn*, *mukhayyam*, *liqā' al-fikrī* dan *ijtimā'* yang melibatkan semua peringkat kepimpinan dan ahli, iaitu bermula dari cawangan, kawasan, negeri dan pusat. Dato' Yahya Othman yang membentangkan sukatan tarbiyah daripada Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat pada tahun 1986 telah menyediakan sukatan tarbiyah khusus untuk ahli PAS mengikut tahap atau peringkat, di mana setiap tahap telah disediakan silibus (sukatan tarbiyah) yang tertentu. *Tarbiyah ḥarakīyah* ini disusun dalam tiga marhalah (peringkat), iaitu marhalah *ta'rīf* (pengenalan), *takwīn* (pembentukan) dan *tanfīz* (perlaksanaan).<sup>89</sup> Sukatan tarbiyah PAS Pusat ini masih digunakan hingga sekarang

---

<sup>88</sup> Riduan Mohd Noor (2005), *op.cit.*, cetakan ke-2, h.88.

<sup>89</sup> *Ibid.*

dan pernah dibentangkan semula dalam Muzakarah Tarbiyah Wilayah Persekutuan pada 16 Mac 2002.<sup>90</sup>

Antara sukatan tarbiyah PAS ialah al-Qur'ān, di mana tarbiyah menekankan ahli agar memperbaiki mutu bacaan dan menghafaz ayat-ayat yang tertentu, seperti juzu' *'Amma, surah al-Kahfi, Yāsin, al-Wāqī'ah, al-Mulk, al-Muzammil* dan ayat pilihan yang lain; hadis nabawi, iaitu hadis 40 susunan Imam al-Nawawī dan menghafaz serta memahami syarah hadis pilihan dari kitab *Riyāḍ al-Ṣālihīn*; Fiqh, iaitu *Fiqh Tahārah* dan solat melalui kitab *Fathu al-Qarīb, Fiqh Syāfi'ī* juzu' pertama dan kedua (Idris Ahmad), *Fiqh Sunnah* dari juzu' pertama hingga 7 (Sayyid Sābiq) dan Pedoman Solat (Hasbi Ṣādiqī); Usul Fiqh, iaitu tentang sumber perundangan Islam, iaitu *al-Qur'ān, al-Sunnah, al-Ijmā', al-Qiyās, Maṣālih al-Mursalah* dan lain-lain; Tauhid, iaitu tentang perkara yang wajib diketahui oleh setiap muslim melalui kitab *'Aqīdah Muslimīn* (Abdul Hadi Awang), Empat Istilah (al-Maudūdī) dan *'Aqīdah Islāmiyyah* (Ḥassan al-Bannā); tasawwuf, iaitu tentang pembentukan akhlak, penyakit hati, ikhlas dan ukhuwwah melalui kitab *Mau'izah al-Mu'minīn* dan *Riyāḍ al-Ṣālihīn*; penguasaan Bahasa Arab dan jawi; dan pembelajaran sejarah dan sirah melalui kitab *Nūr al-Yaqīn, Tahzīb al-Sīrah*, Sirah Dari Kehidupan Para Sahabat, Kelengkapan Tarikh (Manūr Khalīl), *Manhaj al-Ḥarakī li al-Sīrah al-Nabawiyyah* (Muhammad Munīr Ghaḍbān), *Fiqh Ṣīrah* (Sa'īd Ramaḍān al-Buṭī dan al-Ghazālī), *al-Raḥīq al-Mahktūm* (Sofī al-Raḥmān al-Mubakfūrī) dan *al-'Awāṣim min al-Qāsim*.<sup>91</sup>

---

<sup>90</sup> *Ibid.*, h. 89.

<sup>91</sup> *Ibid.*, cetakan kedua, h. 90-92.

Tarbiyah PAS juga turut memberikan penekanan tentang Islam masa kini melalui kitab Apa Kesan Dunia Dengan Kejatuhan Islam, Islamika Ekonomi (teori), *Hal Nahnu al-Muslimūn?*, *al-Mustaqbal li Hāzā al-Dīn* dan Salah Faham Terhadap Islam; pengetahuan Islam (*Dirāsat Islāmiyyah al-Nuḥum al-Islāmiyyah*) melalui kitab *Dirāsat Islāmiyyah: al-'Adālah al-Ijtimā'iyyah* (Syed Quṭb), Islam dan Perundangan ('Abd al-Qadīr 'Audah), *al-Nuḥum al-Islāmiyyah* (Subḥi Salleh) dan Ekonomi Dalam Islam; Fiqh Da'wah melalui kitab *Usūl al-Da'wah*, *Fiqh Da'wah*, *Fiqh 'Amal Jamā'ī*, *Min Ahli al-Khuṭwāt ilā al-Amām*, *Kaifa Nad'u al-Nās, fi Āfāqi al-Ta'līm* dan *al-Usūl al-'Isyrīn*; dan Serangan Terhadap Islam dan Penganutnya melalui kitab Pertarungan Antara Pemikiran Islam dan Barat, *Rasā'il* (al-Maudūdī) dan *Ghazwah al-Fikrī*.<sup>92</sup>

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan berlakunya perubahan dalam sukatan *tarbiyah* PAS apabila ada penambahan atau pemansuhan sesuatu sukatan. Sukatan *tarbiyah* PAS yang telah dibentangkan oleh Yahya Othman pada tahun 1986 ini sudah tentu tidak sama dengan sukatan *tarbiyah* yang digunakan oleh PAS pada masa kini, namun ia tetap menjadi panduan untuk kesinambungan *tarbiyah* PAS pada masa akan datang.

Daripada kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa *tarbiyah* PAS berlaku kepada semua ahli dalam jama'ah tersebut, namun pelaksanaan *tarbiyah* tidak semestinya berlaku secara pemeringkatan ahli, iaitu bermula dari cawangan, kawasan, negeri dan pusat. Buktinya, tidak semua pimpinan PAS akan melalui proses *tarbiyah* yang bermula daripada cawangan dan diikuti dengan peringkat kawasan, negeri dan pusat sebagaimana

---

<sup>92</sup> *Ibid.*

*marhalah tarbiyah* Ikhwān al-Muslimīn. Terdapat pimpinan PAS yang berkhidmat sebagai penjawat awam dalam sektor kerajaan dan kemudiannya menyertai PAS, namun kerana ketokohan dan karisma sebagai pimpinan, mereka terus berada dalam kelompok kepimpinan, walau pun baru menyertai aktiviti *tarbiyah* dan program *usrah*.

### **3.5.3 Jenis Tarbiyah dalam PAS**

Tarbiyah dilihat sebagai satu proses pembentukan muslim yang terbaik yang terdapat dalam *ḥarakah Islāmiyyah*, termasuklah PAS. Ini kerana tanpa tarbiyah, tasawwur Islam bagi mewujudkan *baladun ṭayyibatun wa rabbun ghafūr* tidak akan terlaksana, sama ada tarbiyah tersebut untuk peringkat *ansār*, *‘āmilīn*, *nuqabā’* atau *nawāb*. Berikut adalah beberapa jenis program *tarbiyah* yang terdapat dalam PAS, iaitu :

#### **(a) Program *Usrah***

Program *usrah* merupakan batu bata pertama dalam pembinaan dan pembentukan organisasi tarbiyah.<sup>93</sup> Ia juga merupakan asas bagi pembinaan individu dan menjadi *wasīlah tarbiyah* paling penting dalam mendidik individu dengan *tarbiyah* yang sempurna, kerana ia *wasīlah* paling berkesan dan paling berjaya dalam melengkapkan ahli dengan kualiti dan *syurūf*. *Usrah* juga merupakan unit terpenting dalam organisasi kerana merangkumi pembentukan seluruh aspek keperibadian individu. *Usrah*

---

<sup>93</sup> Rujuk kertas kerja *Konsep Tarbiyah dan Pelaksanaannya Dalam Gerakan Islam: Satu Pengenalan Ringkas*, JIM.

membentuk keperibadian Islam dalam diri individu sehingga ia menjadi ahli yang memiliki sifat-sifat yang dikehendaki oleh al-Qur'ān dan al-Sunnah.<sup>94</sup>

Dalam Bahasa Arab, *usrah* bermaksud keluarga.<sup>95</sup> *Usrah* dalam pengertian *tarbiyah* ialah satu perjumpaan khusus yang diadakan secara tertutup, dihadiri oleh penyokong dan ahli sahaja dalam bilangan yang kecil dan terhad. Ahli *usrah* adalah mengikut peringkat yang tertentu dengan silibus yang tertentu di setiap peringkat. Dalam konteks *ḥarakah Islāmiyah*, *usrah* bermaksud satu unit keluarga yang diikat oleh kesatuan aqīdah (kesatuan keimanan), kesatuan pemikiran (fikrah), kesatuan kesedaran tentang persamaan sejarah dan kesatuan cita-cita perjuangan untuk bekerjasama dan saling bantu-membantu memperkukuhkan jama'ah Islam dari berbagai sudut bagi membolehkan gerak kerja '*amal jamā'ī*' dan '*amal Islāmī*' dilaksanakan dengan teratur sehingga tertegaknya *daulah* dan *khilāfah Islāmiyah*.<sup>96</sup> *Usrah* mempunyai rukun, matlamat, syarat, adab, program, *wasīlah*, cara pengendalian, *naqīb* dan sejarahnya yang tersendiri.

Idris Ahmad dalam menghuraikan panduan *usrah* menjelaskan bahawa kesan *tarbiyah* ini akan melahirkan golongan yang unggul dari segi peribadi dan agresif dalam melaksanakan kerja jama'ah.<sup>97</sup> Oleh itu, *usrah* yang dijalankan mesti bertepatan dengan

---

<sup>94</sup> *Ibid.*

<sup>95</sup> Ya'qub Muhammad Hussin (2001), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 10, Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat (2006), *Manhaj Usrah PAS Peringkat Ta'rīf I*, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat, h. 8; Hussain Unang (1994), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 81.

<sup>96</sup> *Ibid.*, cetakan pertama, h. 10

<sup>97</sup> Idris Ahmad (2005), *op. cit.*, cetakan kelima, h. 25.

kehendak Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat agar ahli yang dilahirkan dapat memberikan impak yang positif kepada peribadi dan jama'ah.

**(b) Usrah Gabungan (*Madrasah*)**

*Madrasah* dalam Bahasa Arab bermaksud sekolah.<sup>98</sup> *Madrasah* yang dimaksudkan dalam manhaj tarbiyah PAS pula ialah satu program ilmiah dan mempunyai pengisian *fikrah Islāmiyah* dengan tajuk yang tertentu yang diadakan secara tertutup, khususnya kepada penyokong dan ahli PAS sahaja. Ia juga boleh dikategorikan sebagai usrah gabungan, tetapi mempunyai agenda dan pengisian yang berbeza daripada usrah-usrah yang biasa diadakan.<sup>99</sup> Perjalanan program *madrasah* adalah seperti berikut :

- i. Solat Maghrib berjama'ah dan bacaan *zikir al-Ma'thūrāt*
- ii. *Taujīhāt* (nasihat) kepimpinan PAS negeri tentang isu semasa dan motivasi perjuangan
- iii. Pengisian utama *tarbiyah* (sepuluh slot pengisian)
- iv. Soal jawab
- v. Solat Isya' berjama'ah<sup>100</sup>

Kesimpulannya, *madrasah* ialah satu program yang menghimpunkan ahli di satu lokasi yang tertentu dan diberikan pengisian khusus kepada mereka agar ahli mempunyai kefahaman yang baik terhadap tajuk yang disampaikan.

---

<sup>98</sup> Hussain Unang (1994), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 910.

<sup>99</sup> Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Negeri Perak (2008), *op. cit.*, h. 12.

<sup>100</sup> *Ibid.* h. 18.

(c) **Qiyāmullail (*Katībah*)**

*Katībah* dalam Bahasa Arab bermaksud batalion atau ketumbukan, iaitu merujuk kepada tentera.<sup>101</sup> *Katībah* atau *katā'ib* dalam manhaj tarbiyah PAS ialah satu program yang menghimpunkan beberapa usrah sebagai satu pasukan jama'ah bagi mempersiapkan diri dengan bekalan tambahan tentang perjuangan, ketahanan dan kesabaran. *Katībah* dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali sebulan dan dihadiri oleh ahli mengikut peringkat masing-masing, iaitu peringkat *ta'rīf*, *takwīn* dan *tanfīz*. Pengisian program *katībah* adalah lebih tertumpu kepada *tarbiyah ruhiyah*, muhasabah dan motivasi diri, di samping membiasakan diri dengan aktiviti fizikal, seperti menunaikan ibadah farḍu dan sunat. Program ini juga dinamakan program *mabīt*, iaitu bermalam. Antara aktiviti *katībah* yang biasa dijalankan, iaitu :

- i. Tadārus al-Qur'ān
- ii. Muhasabah
- iii. Tahajjud
- iv. Solat farḍu berjama'ah
- v. Bacaan *zikir al-Ma'thūrāt*
- vi. Kuliah
- vii. Tidur<sup>102</sup>

---

<sup>101</sup> Hussain Unang (1994), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 834.

<sup>102</sup> Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan Badan Perhubungan PAS Negeri Perak (2008), *op.cit.*, h. 44.



Ringkasnya, *katībah* yang diisi dengan pelbagai aktiviti kerohanian secara langsung akan mendidik diri sendiri dan mengawal hawa nafsu. Ini akan memudahkan ahli jama'ah menjalankan kerja-kerja dakwah dan Islam.

**(d) Lawatan (*Rehlah Tarbawiyah*)**

*Rehlah tarbawiyah* sebagaimana *katībah* merupakan *tarbiyah jamā'iyah*. Dalam rehlah, ahli dapat bergerak bebas, melakukan beriadah, membuat latihan, mendidik sifat sabar, berlajar, dahaga dan seumpamanya yang tidak dapat dilakukan dalam program usrah dan katibah.

Dalam PAS, *rehlah tarbawiyah* biasanya diadakan sebulan sekali bermula pada waktu pagi sehingga waktu petang dan disertai oleh beberapa kumpulan usrah daripada pelbagai peringkat, malah turut disertai oleh para penyokong PAS dan mereka yang simpati dengan jama'ah. Program *rehlah tarbawiyah* biasanya diadakan di lokasi yang jauh dari kota, sunyi dari kesibukan bandar dan memerlukan perjalanan yang sederhana jauhnya, di mana persiapan dan cabaran sepanjang perjalanan untuk sesuatu program *rehlah tarbawiyah* adalah tarbiyah untuk peserta.

Melalui program ini, penyerapan nilai tarbiyah amat penting kepada ahli, di mana mereka dididik untuk mengetahui matlamat program tersebut, adab sepanjang berehlah, adab bermusafir, prihatin dengan tentatif dan perjalanan program serta *mas'ūl* (ketua) yang dilantik dikehendaki melaksanakan tanggungjawab. Contohnya seperti *mas'ūl*

kewangan, *mas'ul* pengurusan, *mas'ul* riadah, *mas'ul* ilmiah (ceramah) dan sebagainya.<sup>103</sup>

Ringkasnya, program *rehlah tarbawiyah* lebih menekankan aspek badaniyah atau fizikal berbanding *rūhiyah*. Ia bertujuan untuk mewujudkan suasana *jamā'ī* yang dipenuhi dengan nilai-nilai Islam dan patuh kepada peraturan dalam tempoh yang tertentu. Peserta juga dididik untuk merasai kehidupan Islam secara amali.

**(e) Program Perkaderan (*Tamrīn Tarbawī*)**

*Tamrīn* dalam Bahasa Arab bermakna latihan.<sup>104</sup> Ia juga bermaksud melatih atau membiasakan.<sup>105</sup> *Tamrīn tarbawī* bertujuan untuk mentarbiyah dan membimbing ahli usrah dalam menghuraikan sesuatu tajuk yang sesuai bagi setiap peringkat.<sup>106</sup> *Tamrīn tarbawī* dalam manhaj tarbiyah PAS ialah satu program yang melibatkan ahli pada setiap peringkat yang diadakan untuk menghadam dan mencernakan isi kandungan pengisian usrah, di samping menguji dan memantapkan pencapaian ahli menerusi kuliah dasar, latihan amali dan modul yang bersesuaian. Segala kefahaman fikrah dan penghayatan ahli usrah dapat diselaraskan dan difokuskan mengikut marhalah-marhalah tarbiyah.<sup>107</sup>

---

<sup>103</sup> Rujuk kertas kerja *Konsep Tarbiyah dan Pelaksanaannya Dalam Gerakan Islam : Satu Pengenalan Ringkas*, JIM.

<sup>104</sup> Hussain Unang (1994), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 333.

<sup>105</sup> *Ibid.*, h. 918.

<sup>106</sup> Rujuk kertas kerja Manhaj Tamrīn, h. 1.

<sup>107</sup> *Ibid.*

*Tamrīn tarbawī* biasanya diadakan secara bulanan atau tiga bulan sekali. Ia terbahagi kepada beberapa jenis mengikut tujuan dan matlamat sesuatu *tamrīn* itu diadakan. Antaranya ialah *tamrīn* kefahaman Islam dan *tamrīn* pembentukan fikrah.<sup>108</sup> Dalam tarbiyah PAS, *tamrīn tarbawī* terbahagi kepada empat jenis, iaitu *tamrīn ḥarakāt* yang bertujuan untuk meyakinkan ahli PAS tentang ḥarakah, seperti ciri-ciri, matlamat dan cara, menilai penguasaan terhadap ahli dari segi ḥarakah dan penguasaan terhadap masyarakat,<sup>109</sup> manakala *tamrīn siyāsī* pula bertujuan untuk memastikan ahli memahami pergolakan politik negara dan antarabangsa, khususnya di rantau Asia Tenggara, seterusnya politik Islam dan pendekatan terhadap masalah dalam politik, memastikan ahli dapat membuat pengolakan terhadap isu-isu semasa dan dapat bertindak dengan cekap dalam menghadapi sesuatu isu.<sup>110</sup> Sementara *tamrīn thaqāfī* pula untuk memastikan agar ahli mempunyai kefahaman yang baik tentang Islam dan memiliki keperluan asas dari segi ilmu pengetahuan.<sup>111</sup> *Tamrīn riyāḍī* pula bertujuan untuk memastikan ahli berada dalam keadaan yang sihat, fizikal mampu bergerak aktif dan mampu untuk mempertahankan diri ketika diperlukan.<sup>112</sup>

Berdasarkan huraian di atas, maka jelaslah pengendalian program perkaderan dalam *tamrīn tarbawī* adalah berbeza dan berkaitan dengan matlamat sesuatu *tamrīn* itu diadakan. Pengendaliannya juga berkaitan dengan sesuatu tempat, tajuk, penceramah, keselamatan dan pengurusan.

---

<sup>108</sup> Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Negeri Perak (2008), *op. cit.*, h. 20.

<sup>109</sup> Dewan Ulama' PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 122.

<sup>110</sup> *Ibid.*

<sup>111</sup> *Ibid.*

<sup>112</sup> *Ibid.*

**(f) Perkhemahan atau Jambori (*Mukhayyam Tarbawī*)**

*Mukhayyam tarbawī* ialah program perkhemahan bermalam<sup>113</sup> yang diadakan di pulau, pantai, hutan, gunung dan sebagainya yang disertai oleh ahli usrah<sup>114</sup> dalam tempoh dua hingga tiga hari atau lebih.<sup>115</sup> Matlamat *mukhayyam tarbawī* ialah :

- i. Melatih dan membiasakan ahli dengan latihan fizikal agar mampu memikul tugas dakwah dan tarbiyah dengan baik.
- ii. Menyemai semangat ukhuwwah, etika, disiplin dan akhlak berjama'ah.<sup>116</sup>
- iii. Membina kekuatan ruhani dan jasmani, di samping menyempurnakan tanggungjawab dakwah.
- iv. Membina kemahiran di kalangan ahli agar senantiasa bersedia untuk hidup dalam suasana susah dan bersiap sedia untuk berhadapan dengan pelbagai ujian, mehnah dan tribulasi.

*Mukhayyam tarbawī* disertai oleh beberapa kumpulan usrah atau usrah gabungan. Kehadiran ahli sebagai peserta adalah bergantung kepada keupayaan pihak penganjur. Pengisian program adalah mengikut tahap atau marhalah tarbiyah PAS. Di antara pengisian *mukhayyam tarbawī* ialah :

---

<sup>113</sup> Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Negeri Perak (2008), *op. cit.*, h. 13.

<sup>114</sup> Rujuk kertas kerja Manhaj Tarbiyah IPT, h. 3.

<sup>115</sup> Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Negeri Perak (2008), *op.cit.* h. 13.

<sup>116</sup> *Ibid.*

- a. Latihan ibadat
- b. Riadah dan tracking
- c. Ta'āruf
- d. Kawad kaki
- e. Ceramah dan kuliah
- f. Latihan pidato
- g. Latihan perkhemahan
- h. Pertandingan<sup>117</sup>

Kesimpulan, Dewan Pemuda PAS dan Jabatan Amal adalah sebahagian daripada sayap PAS yang senantiasa melaksanakan program *mukhayyam tarbawī* dalam bentuk jambori kerana aktivitinya lebih memerlukan kepada kekuatan mental dan kecergasan fizikal, seperti kawad kaki, perkhemahan, tracking dan pertandingan.

**(g) Latihan Kemahiran (*Daurah Tadrībiyyah*)**

*Daurah tadrībiyyah* dalam manhaj tarbiyah PAS ialah program kursus kefahaman dan latihan kemahiran yang diadakan sebagai nilai tambah kepada program tarbiyah sedia ada. Ia bertujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman ahli tentang Islam dan memahami isu semasa serta melatih ahli meningkatkan lagi kemahiran diri, khususnya pelapis kepimpinan jama'ah.<sup>118</sup>

---

<sup>117</sup> Rujuk kertas kerja Manhaj Tarbiyah IPT, h. 3.

<sup>118</sup> Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan Badan Perhubungan PAS Negeri Perak (2008), *op.cit.*, h. 13.

Melalui program *daurah tadrībiyyah*, peserta bukan sahaja dapat mempereratkan hubungan ukhuwwah Islāmiyyah dalam kalangan mereka, tetapi peserta turut didedahkan dengan tajuk-tajuk pilihan melalui pembentangan kertas kerja dan diskusi buku. Antara tajuk untuk program *daurah tadrībiyyah*, iaitu :

- i. *Fiqh 'amal Islāmī*
- ii. Persiapan para dā'ī
- iii. *Usrah* dan kepentingannya dalam tarbiyah
- iv. Halangan dan rintangan dalam perjuangan
- v. Taktik dan strategi menghadapi pilihanraya
- vi. *Mauḍū'*, *uslūb* dan sasaran dakwah
- vii. Pengurusan tanzim
- viii. Prinsip dan matlamat tarbiyah
- ix. Akhlak dan adab berjama'ah
- x. *Taḥāluf* dalam Islam
- xi. *Al-Murābiṭūn*<sup>119</sup>

Berdasarkan tajuk di atas, maka peserta yang mengikti program *daurah tadrībiyyah* akan lebih memahami kepentingan tarbiyah dalam PAS. Mereka lebih bersedia untuk berjuang bersama jama'ah tersebut dan meneruskan kelangsungan dakwah kepada masyarakat seluruhnya.

---

<sup>119</sup> Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat (2001), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 3.

**(h) Majlis Berbuka Puasa Secara Berjama'ah (*Iftār Jamā'ī*)**

PAS adalah sebuah gerakan Islam yang banyak mengadakan aktiviti-aktiviti berbentuk Islam, seperti *iftār jamā'ī*, sambutan hari-hari kebesaran Islam, menganjurkan puasa sunat bagi memperingati hari-hari bersejarah dalam Islam, kempen bulan solat, kempen menutup aurat, bulan *Hudūd*, memperingati hari *Wuqūf* dan banyak lagi.

Puasa sunat bertujuan mendidik ahli PAS agar senantiasa bersedia menghadapi cabaran dan ranjau dalam perjuangan. Bagi menghadapi cabaran tersebut, ahli memerlukan bekalan yang boleh meneguhkan iman mereka dalam perjuangan Islam. Bekalan tersebut adalah pertolongan dan bimbingan daripada Allah s.w.t sebagaimana diperjelaskan oleh Fathī Yakan dalam kitab '*Qawārib al-Najāh fi Hayāti al-Du'āh*'.<sup>120</sup> Rasulullah s.a.w sendiri pernah menegaskan ibadat puasa dapat membantu umatnya menghadapi Hari Kebangkitan dengan menjadikannya sebagai benteng dan hijab bagi memelihara umat Islam daripada kerosakan. Sudah tentu cabaran dan dugaan yang dihadapi sepanjang berpuasa akan diganjarkan oleh Allah s.w.t dengan kegembiraan dan keseronokan, terutamanya ketika majlis berbuka puasa. Program *iftār jamā'ī* diadakan bukanlah semata-mata melahirkan keseronokan menikmati hidangan yang terhidang sahaja, sebaliknya falsafah berbuka puasa secara berjama'ah dapat meningkatkan keimanan melalui rezeki yang dikurniakan Allah s.w.t kepada manusia dan meningkatkan hubungan ukhuwwah dalam kalangan ahli. Oleh itu, program *iftār jamā'ī* adalah sebahagian daripada program tarbiyah yang terdapat dalam PAS.

---

<sup>120</sup> Fathī Yakan (1988), *Bahtera Penyelamat Dalam Kehidupan Penda'wah*, terj. Abdul Ghani Shamsuddin., cetakan ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 179.

Kesimpulannya, *iftār jamā'ī* adalah sebahagian daripada aktiviti tarbiyah yang diadakan bagi meraikan umat Islam yang sanggup berpuasa dalam menuntut keredhaan Allah s.w.t.

**(i) Majlis Ilmu (*Liqā' al-Fikrī*)**

*Liqā' al-fikrī* ialah program pertemuan atau perjumpaan yang menghimpunkan sejumlah golongan tertentu seperti para pimpinan, ulama, ahli akademik, para *nuqabā'*, penceramah dan sebagainya untuk mengkaji dan membahaskan sesuatu persoalan atau sesuatu tema secara ilmiah.<sup>121</sup> Pelaksanaan program *liqā' al-fikrī* dalam PAS adalah berbeza-beza, kadang-kadang dilaksanakan pada waktu pagi dan ada juga yang menganjurkannya pada waktu malam, iaitu dimulai dengan solat Maghrib secara berjama'ah dan berakhir sekitar jam 11.00 malam.

Program *liqā' al-fikrī* bukanlah sekadar perjumpaan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan ahli sahaja, sebaliknya ia menjadi medan pertemuan di antara ahli dan pimpinan, di mana pimpinan PAS akan menyampaikan beberapa amanat penting dan memberikan penjelasan tentang sesuatu isu untuk kefahaman ahli. Ahli juga digalakkan mengambil kesempatan dengan mengemukakan persoalan agar segala keraguan dapat diperjelaskan, seterusnya kefahaman itu dapat disebarkan kepada masyarakat.

---

<sup>121</sup> Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Negeri Perak (2008), *op.cit.*, h. 39.



(j) **Perhimpunan Bulanan (*Ijtimā' Tarbawī dan Nuqabā'*)**

*Ijtimā'* ialah program perhimpunan yang dianjurkan secara tetap dan berkala, seperti *ijtimā' 'Īdu al-Fiṭrī* sempena sambutan Hari Raya 'Īdu al-Fiṭrī dan *ijtimā' Qurbān* sempena Hari Raya 'Īdu al-Aḥḥā. Manakala *ijtimā' tarbawī* pula bertujuan untuk menghimpunkan ahli pada semua peringkat, iaitu peringkat *ta'rīf*, *takwīn* dan *tanfīz*, sama ada mempunyai pengisian ilmiah atau pun tidak. Dalam PAS, *ijtimā' tarbawī* diadakan bertujuan untuk menghimpunkan ahli PAS pada peringkat *ta'rīf* atau *takwīn*, dan dilaksanakan selama satu hari.<sup>122</sup> Manakala ahli PAS yang berada pada peringkat *tanfīz* pula akan dihimpunkan dalam satu program tarbiyah yang dikenali sebagai *ijtimā' nuqabā'*. Mereka terdiri daripada para pimpinan dan *nuqabā'*.<sup>123</sup> Pengisian *ijtimā'* dijalankan dalam pelbagai bentuk yang bersesuaian, seperti wacana, forum, dialog, seminar, diskusi dan ceramah,<sup>124</sup> atau dilaksanakan secara ilmiah, seperti diskusi buku, pembentangan kertas kerja dan kuliah.

Program ini sudah tentu memberikan impak yang positif kepada peserta program *ijtimā'* kerana dilaksanakan berdasarkan tajuk yang sesuai. Bagi peserta *ijtimā' tarbawī* peringkat negeri, penglibatan mereka turut dinilai dengan beberapa pengisian tambahan, seperti ujian bertulis, *public speaking* dan modul berkumpulan.<sup>125</sup>

---

<sup>122</sup> Pengisian utama program *ijtimā' tarbawī* ialah ucapan pimpinan, *public speaking*, aktiviti dalam kumpulan dan ujian bertulis. *Ibid.*, h. 34.

<sup>123</sup> Pengisian utama *ijtimā' nuqabā'* ialah perbincangan tentang peranan naqib dalam tarbiyah, usrah dan perlaksanaannya yang berkesan, *siyāsī jamā'ī* dan *'amal Islāmī*. *Ibid.*, h. 45.

<sup>124</sup> *Ibid.*

<sup>125</sup> Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Negeri Perak (2008), *op.cit.*, h. 35.

**(k) Seminar atau Konvensyen (*Nadwah Tadrībiyyah*)**

Dari segi bahasa, *nadwah* atau *nādī* bermaksud kelab.<sup>126</sup> *Nādī* bermaksud satu majlis yang menghimpunkan mereka di suatu tempat, seperti seminar atau konvensyen. Contohnya, *nadwah* sekumpulan manusia, bermaksud ia menjadi tempat sekumpulan manusia bertemu di kelab atau seumpamanya untuk berbahas atau berbincang tentang perkara yang tertentu.

Pada zaman Jahiliyah, kaum musyrikin Mekah senantiasa mengadakan mesyuarat di *Dār al-Nadwah* tentang perkara yang penting, seperti peperangan, perdamaian dan perdagangan.<sup>127</sup> Di *Dār al-Nadwah* juga kaum Musyrikin Mekah mengadakan perbincangan untuk membunuh Nabi Muhammad s.a.w sehingga memaksa Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madīnah al-Munawwarah.<sup>128</sup> Dalam konteks manhaj tarbiyah, *nadwah tadrībiyyah* ialah satu *ijtimā'* yang terdiri daripada para ulama, pakar atau cendekiawan yang tertentu dalam bilangan yang tertentu untuk berkongsi dan memberikan pandangan dalam sesuatu tajuk atau masalah, di mana seseorang itu berhak menyuarakan pandangannya berpandukan kepada dalil dan bukti.<sup>129</sup> PAS Pusat pernah menganjurkan *nadwah*, seperti 'Seminar Politik Memperkasakan Parti' pada 7 November 2009 dengan dihadiri oleh lebih 1000 peserta, 'Konvensyen Blogger PAS' pada 20 Disember 2009

---

<sup>126</sup> Hussain Unang (1994), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 1018.

<sup>127</sup> Muhammad al-Khuda'ī Bik dalam *Nūr al-Yaqīn* menyatakan bahawa *Dār al-Nadwah* ialah rumah Quṣay bin Kilāb yang menjadi tempat orang-orang Quraisy memutuskan sesuatu keputusan. Khuda'ī Bik, Muhammad al- (1996), *Nurul Yaqin*, trj. Mohd Asri Hj. Hashim, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., h. 152.

<sup>128</sup> *Ibid.*

<sup>129</sup> 'Āli 'Abd al-Halīm Mahmūd (1993), *op.cit.*, cetakan keenam, h. 299.

bertempat di Markas Tarbiyah PAS Taman Melewar, 'Seminar Pendidikan Islam Kontemporari Malaysia' dan 'Seminar Pakatan Rakyat'.

Berdasarkan penjelasan tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa *nadwah tadrībiyyah* adalah program tarbiyah yang sesuai dilaksanakan dalam kuantiti yang banyak, khususnya sebagai medan penerangan kepada ahli PAS.

#### (I) Perhimpunan Agung (*Mu'tamar*)

Dari sudut bahasa, *mu'tamar* bermaksud mengadakan pakatan, iaitu *musyāwarah* (mesyuarat). Mengikut istilah Mu'jam Sains Kemasyarakatan, *mu'tamar* terbahagi kepada dua jenis, iaitu *Mu'tamar Rasmi* dan *Mu'tamar Umum*. *Mu'tamar Umum* dihadiri oleh sejumlah perwakilan sehingga mencecah ratusan orang perwakilan. Ia biasanya diadakan dalam tempoh yang tertentu, iaitu satu tahun atau lebih.<sup>130</sup> Sementara *Mu'tamar Rasmi* pula merujuk kepada sesuatu persidangan atau kongres rasmi yang mempunyai matlamat yang tertentu, seperti mengukuh dan memeterai perjanjian.<sup>131</sup>

*Mu'tamar* dalam manhaj tarbiyah pula lebih dikenali sebagai perhimpunan agung. Perhimpunan tersebut diadakan sempena sesuatu isu yang penting dan dihadiri oleh ramai perwakilan dan peserta yang terlibat. Ia tidak diadakan secara berkala sebagaimana *mu'tamar* tahunan dan mesyuarat agung, sebaliknya diadakan berdasarkan keperluan semasa sesebuah jama'ah pada ketika itu.

---

<sup>130</sup> *Ibid.*, cetakan keenam, h. 312.

<sup>131</sup> *Ibid.*

Ringkasnya, *mu'tamar* adalah selari dengan kehendak Islam, di mana Islam menggalakkan perkongsian idea dan pendapat di kalangan umatnya agar sesuatu perkara yang bakal diputuskan lebih mendatangkan kebaikan kepada semua pihak.

**(m) Program Tarbiyah Untuk Masyarakat Umum**

Selain daripada memberikan keutamaan kepada tarbiyah khusus untuk pimpinan dan ahli, tarbiyah PAS juga turut menekankan tarbiyah umum untuk masyarakat umum, iaitu :

**(i) Kelas Pengajian Agama (*Tafaqquh fī al-Dīn*)**

Kelas pengajian agama dikenali juga sebagai *majlis ta'lim* atau majlis ilmu. Ia merupakan program pengajian ilmu-ilmu Islam dalam bentuk kuliah pengajian, sama ada secara tertutup atau terbuka, dan dijalankan di tempat-tempat yang sesuai dan mudah dihadiri oleh masyarakat, seperti masjid, surau, sekolah atau markas tarbiyah. Kelas pengajian ini walau pun diadakan secara umum, namun kebiasaannya dihadiri oleh ahli PAS dengan tujuan untuk memantapkan pengetahuan dan kefahaman Islam sedia ada.<sup>132</sup> Kelas *tafaqquh fī al-dīn* juga turut dikunjungi oleh masyarakat umum tanpa mengambil kira fahaman atau parti politik. Justeru itu, PAS perlu memantapkan pengurusan tarbiyah agar kelas pengajian agama yang dijalankan dapat diterima dengan baik oleh masyarakat dalam memberikan kefahaman Islam yang maksimum kepada mereka.

---

<sup>132</sup> Rujuk aktiviti tafaqquh dalam laman web <http://pusattarbiyah.blogspot.com/search/label/MANTAP>.

## (ii) Program Tarbiyah Belia dan Remaja

Belia dan remaja adalah aset negara yang paling bernilai. Kepimpinan negara pada masa hadapan adalah ditentukan oleh belia dan remaja pada hari ini. Mutakhir ini, pelbagai masalah sosial yang berlaku melibatkan golongan ini. Gejala rogol, ragut, rempit, zina, buli, bersekedudukan tanpa nikah, khalwat, peras ugut, bergaduh, samun, gangguan seksual, buang anak, filem lucah, video pornografi, judi, minum arak, penagihan dadah dan seumpamanya amat mengejutkan masyarakat Islam di negara ini. Walau pun kerajaan cuba melaksanakan pelbagai pendekatan untuk membentuk para belia dan remaja agar menjadi warganegara yang berhemah, namun impak yang diperolehi daripada pelaksanaan program tersebut amat mendukacitakan.<sup>133</sup> Program Rakan Muda, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), dan bermacam-macam lagi dilihat kurang berjaya menerapkan nilai-nilai murni, jika dibandingkan dengan jumlah peruntukan kewangan dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.<sup>134</sup>

Oleh itu, PAS menggunakan pendekatan tarbiyah untuk menawan hati dan fikiran golongan ini agar kembali ke pangkal jalan sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Pendidikan yang dibawa oleh PAS melalui sekolah Pasti, sekolah agama dan institusi pengajian tinggi adalah bertujuan untuk mendidik dan membentuk golongan belia dan remaja untuk memiliki kefahaman Islam sejak awal lagi. Tarbiyah ini menjadikan belia

---

<sup>133</sup> Rujuk jenayah di Malaysia dalam <http://idrisahmad.wordpress.com/2010/04/20/pas-pandang-serius-peningkatan-50-peratus-jenayah-seks/>. [http://www.pas.org.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=1230&Itemid=29](http://www.pas.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=1230&Itemid=29). Rujuk juga video (slaid) statistik jenayah di Malaysia dari laman web <http://www.youtube.com>.

<sup>134</sup> Laporan menunjukkan sikap jurulatih dan percampuran pelatih-pelatih yang mengikuti program PLKN menyebabkan berlakunya kes rogol, buli, cabul dan kematian. Sementara aktiviti kerohanian, seperti solat pula tidak diutamakan dalam modul. Rujuk Memorandum PLKN dalam [http://jejakmenara.1.forumer.com/a/memorandum-program-latihan-khidmat-negara\\_post297.html](http://jejakmenara.1.forumer.com/a/memorandum-program-latihan-khidmat-negara_post297.html).

dan remaja sebagai pelajar muslim yang menjadi kebanggaan negara. Pergaulan yang baik dan terkawal antara pelajar yang berlainan jantina, cintakan ilmu dan pelajaran, menghormati ibu bapa, guru dan orang tua, berakhlak dengan akhlak yang mulia, memiliki kemahiran dan kebolehan serta menjadi pelajar Islam yang melaksanakan tuntutan beragama, seperti menunaikan ibadat solat, berpuasa dan menghayati kefahaman al-Qur'ān.

### **(iii) Institusi Pendidikan**

Selain daripada melaksanakan program tarbiyah, PAS juga turut menubuhkan institusi pendidikan yang bertujuan untuk menyemai tarbiyah Islam pada peringkat awal, iaitu bermula daripada pendidikan pada peringkat kanak-kanak, pendidikan peringkat menengah sehinggalah pendidikan peringkat tinggi. Antaranya ialah :

#### **a. Sekolah Pasti**

Cetusan idea untuk menubuhkan pusat pra-sekolah Islam telah bermula sejak akhir tahun 1970-an lagi. Perkembangan pendidikan yang semakin pesat dan pertumbuhan pusat-pusat pendidikan pra-sekolah yang semakin meningkat telah menyemarakkan lagi semangat para pejuang dan pencinta Islam untuk memberikan satu alternatif kepada sistem pendidikan yang sedia ada. Hasilnya, timbullah idea untuk menubuhkan pusat pendidikan pra-sekolah Islam dan dinamakan sebagai Tadika Islam.<sup>135</sup>

---

<sup>135</sup> Rujuk sejarah penubuhan sekolah Pasti dalam laman web <http://pastipusat.blogspot.com>.

Negeri yang paling awal melaksanakan program sistem pendidikan ini ialah Kedah dan Terengganu, di mana wujudnya persefahaman antara PAS dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Peranan pendidikan ini telah diserahkan kepada ABIM. Oleh itu, sejak tahun 1980 lahirlah pusat-pusat pendidikan pra-sekolah Islam yang dinamakan sebagai Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TASKI).<sup>136</sup>

Di Terengganu pula pada tahun 1985, TASKI dikendalikan oleh Dewan Pemuda PAS Negeri Terengganu. Manakala di Kelantan, pusat pra-sekolah yang dikenali sebagai Putra Islam telah dikendalikan oleh Dewan Pemuda PAS Negeri Kelantan sejak tahun 1988. Di Kedah dan beberapa buah negeri yang lain di sebelah Utara, pusat pendidikan pra-sekolah yang dinamakan sebagai Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) telah pun ditubuhkan dan dikendalikan oleh Dewan Pemuda Pas negeri masing-masing.<sup>137</sup>

Pada 29-30 Mei 1988, seminar pra-sekolah anjuran Dewan Pemuda PAS Pusat (DPPP) telah berlangsung di Masjid Rusila, Marang, Terengganu. Dua kertas kerja telah dibentangkan, iaitu “Struktur Organisasi dan Pendidikan Pra-Sekolah” oleh Abdul Halim Arshat dan “Penyelarasan Manhaj Pendidikan Pra-Sekolah” oleh Dato’ Harun Taib. Abu Bakar Abdullah kemudiannya telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Pasti Pusat yang pertama pada 18 Mei 1989.<sup>138</sup> Pada 21 Julai 1991 Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat telah megarahkan semua sekolah Pasti menggunakan logo baru yang

---

<sup>136</sup> *Ibid.*

<sup>137</sup> Pada tahun 1988, Dewan Pemuda PAS Pusat melalui Mu’tamar Tahunan ke-28 pada 10 April 1987 telah meluluskan usul pendidikan yang mendesak agar diwujudkan program pendidikan untuk anak-anak ahli PAS. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat (DPPP) yang bersidang pada 6 Mei 1988 kemudiannya telah memutuskan penggunaan nama Pasti untuk semua institusi prasekolah milik ahli PAS dan sebuah jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Pra-Sekolah dibentuk di peringkat Pusat dengan diketuai oleh Abu Bakar Abdullah sebagai Penyelaras Pasti.

<sup>138</sup> Rujuk sejarah penubuhan sekolah Pasti dalam laman web <http://pastipusat.blogspot.com>.

rasmi dalam semua urusan Pasti. Sekolah Pasti terus berkembang seiring dengan perkembangan zaman dan kemajuan dunia hari ini dengan penambahan kelas Pasti di seluruh negara termasuk Wilayah Persekutuan.<sup>139</sup>

#### **b. Sekolah dan Ma'ahad**

Bagi mewujudkan masyarakat Islam dalam negara, PAS telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan institusi pendidikan agama yang diperkukuhkan dengan tarbiyah. Antaranya ialah Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN). Kelantan adalah negeri paling banyak memiliki SMAR dan SMAN, di mana Kerajaan Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah berjaya mendapatkan pengiktirafan kurikulum daripada Universiti al-Azhar, Mesir dan universiti dari Jordan sejak tahun 1990.<sup>140</sup> Sekolah-sekolah YIK seperti Ma'ahad Muhammadī li al-Banīn, Ma'ahad Muhammadī li al-Banāt dan Ma'ahad Tahfīz al-Qur'ān wa al-Qirā'at, Pulau Chondong telah dipilih sebagai sekolah terbaik di Malaysia apabila mengungguli pencapaian yang cemerlang dalam beberapa peperiksaan awam, seperti PMR dan SPM.

Universiti al-Azhar telah memberikan pengiktirafan kepada sijil Ma'ahad al-Da'wah wa al-Imāmah di Nilam Puri<sup>141</sup> dan Pondok Moden di Kandis, Bachok, Kelantan<sup>142</sup> untuk melanjutkan pelajaran ke universiti tersebut dan terus menduduki tahun tiga. Idea penubuhannya telah dicetuskan oleh Menteri Besar Kelantan, iaitu Dato' Nik

---

<sup>139</sup> *Ibid.*

<sup>140</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 135.

<sup>141</sup> Pengiktirafan ini telah diberikan pada tahun 1997. *Ibid.*

<sup>142</sup> Pengiktirafan ini telah diberikan pada tahun 1994. *Ibid.*



Abdul Aziz Nik Mat. Pada tahun 1965, Kerajaan PAS Kelantan telah berjaya membangunkan sebuah pusat pengajian tinggi, iaitu Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Nilam Puri, Kelantan tetapi diserapkan di bawah Universiti Malaya apabila PAS menyertai BN pada tahun 1971.<sup>143</sup> Kini, PAS mempunyai beberapa institusi pendidikan agama, seperti Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan yang ditubuhkan pada tahun 1999<sup>144</sup> dan Kolej Islam Darul Ulum (KIDU) di Mu'assasah Darul Ulum, Pokok Sena, Kedah pula ditubuhkan pada tahun 1997.<sup>145</sup> Selain itu, Kolej Universiti Darul Qur'an Islāmiyyah (KUDQI), Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST), Kolej Sains dan Teknologi al-Quran (KOSTAQ) dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) pula ditubuhkan di Terengganu sebaik sahaja PAS berjaya menubuhkan kerajaan negeri di Terengganu pada tahun 2004. Pada September 2010, PAS Pusat telah menubuhkan Kolej Universiti Islam Zulkifli Mohamad (KUIZM) di Pejabat Agung PAS, Taman Melewar, Selangor.

Kerajaan PAS juga menggalakkan penubuhan institusi pengajian tinggi swasta seperti Kolej Utama, Institut Ibn Sina, Kolej Komikel, Kolej Tun Abdul Razak, Jāmi'ah

---

<sup>143</sup> Lulusan YPTIK berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di Universiti al-Azhar, tetapi institusi ini hanya mampu bertahan sehingga 1 April 1981 sahaja apabila YPTIK diambil alih oleh Universiti Malaya dan ditukar nama kepada Akademi Islam Universiti Malaya. Rujuk sejarah KIAS dalam laman web <http://kias.edu.my/sjrh3.htm>.

<sup>144</sup> KIAS dahulunya dikenali sebagai Ma'ahad al-Da'wah wa al-Imāmah. Merupakan salah satu inspirasi kerajaan PAS Kelantan yang bercita-cita memfokuskan Kelantan sebagai serambi perkembangan ilmu Islam terkenal di rantau ini, khususnya menerusi penyediaan institusi-institusi pengajian tinggi dalam pelbagai jurusan. KIAS adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang dikendalikan oleh KIAS Darulnaim Sdn Bhd (KDSB) anak syarikat Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN). *Ibid.*

<sup>145</sup> KIDU menawarkan tiga peringkat pengajian, iaitu peringkat rendah di Sekolah Rendah Islam Darul Umum (5 tahun), peringkat menengah di Sekolah Menengah Darul Ulum (7 tahun) dan peringkat tinggi di Kolej Islam Darul Ulum (3 tahun). Rujuk sejarah KIDU dalam laman web <http://kidu.edu.my>.

Islāmiyyah Ismail Petra (JAIPETRA), Institut Teknologi Darul Naim (ITD), Kolej Masterskill, Kolej PTPL dan Kolej Poly-Tech Mara.<sup>146</sup>

### c. Program Pengajian ILHAM

Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat telah menubuhkan Institut Latihan Kepimpinan dan Perkaderan Dakwah Islāmiyah (ILHAM) pada tahun 1994 dengan tujuan untuk membina kefahaman ahli terhadap perjuangan Islam. Matlamat utama penubuhan ILHAM ialah untuk menyediakan suatu program persiapan yang mantap dan sesuai dengan persiapan menghadapi cabaran perjuangan Islam di Malaysia, khususnya untuk ahli PAS. Bagi mempersiapkan ILHAM sebagai institusi perkaderan jama'ah, maka ia telah dimantapkan dengan struktur organisasinya yang dianggotai oleh gabungan kepimpinan PAS, para ulama dan golongan profesional.<sup>147</sup>

ILHAM menawarkan beberapa program pengajian, seperti Diploma Tasawwur Islam,<sup>148</sup> Diploma Kepimpinan Islam, Kursus Pengurusan dan Organisasi (ILPO),<sup>149</sup> Kursus Kefahaman dan Visi (ILKV),<sup>150</sup> Sijil Bahasa Arab dan kursus-kursus intensif yang diadakan dari masa ke semasa. Penubuhan ILHAM dilihat sebagai kesungguhan

---

<sup>146</sup> Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 135.

<sup>147</sup> Riduan Mohamad Nor (2005), *op.cit.*, cetakan ke-2, h. 93.

<sup>148</sup> Kursus ini berbentuk pakej pengajian hujung minggu (PJJ) yang mengandungi 2 pakej pengajian selama 2 semester.

<sup>149</sup> Kursus ini ditawarkan untuk memberi latihan organisasi kepada ahli PAS, seperti pemikiran dan pengurusan strategik, kaunseling Islam, pengurusan organisasi dan pejabat, dan pengucapan awam dan acara.

<sup>150</sup> Kursus ini mengandungi 15 modul yang setiap satunya terdiri daripada 3 kertas kerja. Modul-modul ini mempunyai objektif yang tersendiri yang bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada ahli PAS tentang perkara asas dalam sesebuah jama'ah Islam, seperti perlembagaan PAS, perlembagaan Malaysia, ucapan dasar, syura, kepimpinan ulama, adab berjama'ah, tazkiyah al-nafs, dasar-dasar Malaysia, sistem politik Malaysia, prinsip kerajaan di Malaysia, tasawwur tarbiyah Islam, kerakanan masjid, dakwah dan jihad serta *amal ma'rūf* dan *nahī munkar*. Riduan Mohd Noor (2005), *op.cit.*, cetakan ke-2, h. 95-96.

PAS untuk melahirkan para *nuqabā'* yang akan meneruskan kelangsungan tarbiyah dalam PAS.<sup>151</sup>

### **3.6 Kesimpulan**

Kesimpulannya, PAS adalah sebuah gerakan Islam di Malaysia yang mempunyai acuan tarbiyah yang tersendiri. Walau bagaimanapun, pengaruh daripada gerakan Islam di dunia, seperti Ikhwān al-Muslimīn, Majlis Syura Muslimīn Indonesia (Masyumi) dan Jamā'ati Islāmī banyak memberikan kesan yang positif kepada perkembangan tarbiyah dalam PAS sehingga parti itu terkenal sebagai sebuah gerakan Islam.

---

<sup>151</sup> *Ibid.*, cetakan ke-2, h. 97.